BULETIN

# HEPA

Bil. 1.2011

PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI




LB
3602
.B84
2011
a
v1

**Pelbagai Kemudahan Pusat Sukan**

**NC Ketuai Program Jejak Kinabalu**

**Aktiviti Pelajar**

**UTeM Terima Pelajar Baru**

**Ahmad Saufi dilantik YDP MPP UTeM**

LB3602 .B84 2011 v1
87515888

## Sidang Redaksi

**Penaung :** YBhg Engr Prof Dr Marizan bin Sulaiman

**Penasihat :** En Zainudin bin Ahmad

**Ketua Editor :** Tn Hj Razali bin Abd Jal

**Penolong Ketua Editor :** En Ruzaiman bin

**Pengarang :** Dr Muhamad Takrimi b
Tn Hj Ismail bin Abdol J
En Zainuddin Abd Hamid
En Mohd Yaszli bin Mohamed Rahis
En Amir bin Ali
Pn Rafidah bt Md Dusa
Pn Shahira bt Hj Mohd Adnan
Pn Musliha bt Yusoff
Pn Hadibah bt Tahir

**Pembaca Pruf :** En Mohd Nizam bin Mazlan
Pn Mazne bt Ja'afar

**Wartawan :** Cik Netty Muhalizza bt Mohd Fadzil

**Publisiti :** En Mohd Saharudin bin Abd Rahman
En Zakariyah bin Zainal

**Jurufoto :** En Muhammad Akmal bin Mad Yatim
En Azlan bin Azid

## ISI KANDUNGAN


| TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|
| Bual Bicara Bersama KTP HEPA | 3 |
| Salam HEPA | 4 |
| Rakan Siswa | 10 |
| Berita HEPA | 11 |
| Aktiviti kelab Usrati | 16 |
| SPOT ME | 20 |
| Aktiviti Pelajar | 22 |
| Berita MPP | 32 |
| keratan Akhbar | 34 |




## Khabar Bicara KETUA EDITOR

**"diharapkan adalah dengan kemasukan pelajar baru ini akan memeriahkan dan mewarnai suasana kehidupan kampus"**

### ASSALAMUALAIKUM DAN SALAM 1MALAYSIA

Segala puji bagi Allah yg telah mengizinkan penerbitan Buletin HEPA bil. 1 / 2011 diterbitkan bagi meransang minda penatap khususnya mahasiswa/i UTeM dan warga UTeM amnya. Penerbitan kali ini adalah hasil dorongan dan sokongan penuh Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni iaitu Eng Prof Dr Marizan bin Sulaiman serta semua sidang ridaksi khususnya En. Ruzaiman Abd Rahman sebagai Penolong Ketua Editor. Rata-rata berita dan segala laporan aktiviti adalah tertumpu kepada gerak kerja dan penglibatan mahasiswa/i melalui kelab persatuan dan sekretariat bermula Januari hingga akhir Jun 2011. Sebagai mengimbas kembali penglibatan pelajar dan staf HEPA khususnya maka ia diabadikan disini.

29 Mei 2011, buat pertama kalinya UTeM menerima kemasukan Pelajar baru bagi program Diploma yang mana proses pengambilannya adalah berasingan dengan pengambilan pelajar program Ijazah Pertama pada bulan September nanti. Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni mengalu-alukan serta mengucapkan TAHNIAH kepada 512 orang pelajar baru yang telah mendaftar pada hari pendaftaran tersebut.Mereka telah diperkenalkan kepada dunia baru dan sistem pembelajaran yang baru di UTeM semasa Minggu Haluan Siswa dengan bantuan 40 orang Fasilitator yang juga terdiri daripada mahasiswa/i UTeM sendiri. Apa yang diharapkan adalah dengan kemasukan pelajar baru ini akan memeriahkan dan mewarnai suasana kehidupan kampus yang pada kebiasaannya apabila selesai peperiksaan akhir semesta, kehidupan kampus agak lengang kerana pelajar semua telah bercuti tetapi tidak pada kali ini. Malah ia nampak seperti keadaan sebelumnya dengan aktiviti yang rancak walaupun dalam skala yang sedikit kecil. Suasana kesibukan di kampus juga dipengaruhi oleh program Amalan Kejuruteraan bagi semua Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat yang dikhususkan untuk pelajar tahun 2.

Akhir kalam, semoga terus menatap buletin ini tanpa jemu dan kami mengalu-alukan sekiranya ada sebarang cadangan penambahbaikan untuk penerbitan akan datang. Bulan-bulan yang mendatang akan lebih mencabar kewibawaan Pejabat HEPA dengan aktiviti yang sangat padat dengan penganjuran Kejohanan Sukan Staf Antara Univeriti-Universiti Malaysia kali ke 36.

***Selamat Menyambut Ramadhan Al Mubarak "***



Perpustakaan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

# *Bual Bicara Bersama* KETUA TIMBALAN PENDAFTAR *Encik Zainudin Bin Ahmad*

**Apakah perasaan dan rancangan tuan setelah bertugas semula di Pejabat HEPA?**

Perasaan saya seperti biasa, teruja serta sentiasa bersemangat dan saya tahu banyak cabaran yang sedang menunggu. Banyak pengorbanan yang perlu saya lalui ini termasuklah pengorbanan yang perlu di tagih daripada keluarga saya. Hampir sepanjang kerjaya saya, saya telah menempuh pelbagai cabaran dan pengorbanan. Walaupun, kadang-kadang amat pahit dilalui namun tangungjawab dan amanah perlu dilunaskan. Justeru ini, saya mengharapkan agar pelajar UTeM mendapat perkhidmatan yang terbaik dari Pejabat HEPA.

**Bagaimana pula dengan pandangan tuan perkembangan Pejabat HEPA dulu dan sekarang.**

Tidak banyak persamaan yang jelas, walau bagaimanapun yang jelas jumlah pelajar yang meningkat. Dengan peningkatan itu ianya memerlukan masa yang lebih untuk menangani pelbagai keperluan pelajar. Kehendak pelajar juga tidak lagi sama dengan 3 tahun yang lepas sejajar dengan perkembangan semasa. Sebagai contoh pada peringkat awal penubuhan KUTKM pelajar tidak berapa kisah dengan penginapan di luar, asalkan selesa telah memadai, tetapi sekarang daripada kehendak keselesaan itu telah berubah kepada memerlukan asrama di dalam universiti.

**Pejabat HEPA banyak menjalankan aktiviti-aktiviti, apakah peranan pelajar dalam membantu supaya aktiviti tersebut berjalan dengan jayanya.**

Dalam menjalankan aktiviti staf HEPA sepatutnya menjadi penasihat dan memberi tunjuk ajar manakala pelajar yang merancang dan menjalankan aktiviti. Jika ianya tidak berlaku sedemikian pelajar tidak dapat belajar daripadanya samaada dapat memantapkan communication skill, kerja berpasukan dan sebagainya. Ini adalah selaras dengan kehendak KPT yang mana setiap aktiviti pelajar yang dijalankan berteraskan kepada 7 GSA.

**Apakah masalah yang selalu dihadapi oleh Pejabat HEPA.**

Tiada organisasi yang terlepas daripada masalah ,setiap permasalahan perlu ditangani dengan baik walaupun kadang-kadang perlu mengambil sedikit masa. Sehingga kini banyak permasalahan yang datang kita selesaikan dengan bijaksana dengan konsep "win – win ". Saya percaya dengan barisan pengurusan dan pentadbiran HEPA masakini mampu menghadapi apa jua situasi dan tuntutan masakini.

**Apakah strategi HEPA bagi menyediakan pelajar menghadapi cabaran masa hadapan.**

Bagi membolehkan pelajar menerobos masa hadapan perlu disiapkan pelajar dengan pelbagai 'soft skill' atau kemahiran insaniah yang mantap sekaligus membantu pelajar UTeM menjadi pilihan kepada industri jika tidak pun mempunyai perusahaan sendiri.

**Sebagai salah seorang pegawai tertinggi di Pejabat HEPA apakah saranan dan nasihat tuan kepada staf dan pelajar-pelajar.**

Saya mengharapkan agar Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni digemari oleh pelajar dan menjadi tumpuan kepada mereka samaada mendapatkan keperluan ataupun untuk menjalankan aktiviti pelajar. Setiap Bahagian dan Unit di HEPA perlu memantapkan kualiti perkhidmatan agar sejajar dengan keperluan semasa, semoga ianya menjadi panduan kepada universiti lain dan saya mengharapkan agar pelajar UTeM lebih matang dan mampu membuat aktiviti impak yang tinggi seperti seminar, konvensyen peringkat kebangsaan dan antarabangsa di samping memenangi apa jua pertandingan yang di anjurkan. Paling utama ialah merealisasikan kehendak-kehendak Kementerian Pengajian Tinggi umumnya dan kepada UTeM khususnya. Kita dalam satu pasukan umpama pelangi yang lengkap warnanya, andai dicabut satu warna darinya maka apalah erti pelangi itu.







# Unit KEPEMIMPINAN DAN AKTIVITI PELAJAR



**EN. MOHD YASZLI BIN MOHAMED RAHIS**
Penolong Pendaftar
**EN. MAZLAN BIN MAHAT**
Pembantu Tadbir(P/O)
**CIK NURUL HIDA BINTI ZULKIFLI**
PEMBANTU TADBIR(P/O)

Unit ini merupakan satu daripada 4 unit yang berada di bawah Bahagian Pembangunan Pelajar, Pejabat HEPA. Sebagaimana namanya, aktiviti yang dianjurkan oleh unit ini menekankan Teras Kepemimpinan; satu daripada 8 Teras dalam Konsep Pembangunan Pelajar Secara Holistik yang digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Selain itu, unit ini juga bertindak dalam menyelia, membantu dan memantau perjalanan program yang dianjurkan oleh pelajar dengan kerjasama Pejabat HEPA. Fungsi umum unit ini boleh diperjelaskan kepada beberapa fungsi khusus berikut:

1.Mengurus dan memantau kegiatan kelab/persatuan pelajar di universiti, termasuklah Majlis Perwakilan Pelajar(MPP).
- Segala aktiviti pelajar yang berbentuk kokurikulum adalah terletak di bawah seliaan Pejabat HEPA. Justeru, unit ini bertindak khusus untuk memantau aktiviti-aktiviti pelajar yang dijalankan ini agar ia menepati segala garis panduan yang telah digariskan dalam penganjuran sesuatu aktivti pelajar.

2. Memberi khidmat nasihat kepada kelab/ persatuan pelajar dan MPP dalam semua gerak kerja berpasukan.
- Dalam usaha memastikan semua aktiviti berpasukan ini berjalan lancar, unit ini bersedia untuk memberikan khidmat nasihat sebaiknya kepada pelajar yang ingin melaksanakan sesuatu program.

3.Memantau segala aktiviti yang telah diperakukan oleh Dekan HEPA, dan diluluskan oleh Naib Canselor UTeM.
- Segala aktiviti/ program pelajar hanya boleh dijalankan setelah mendapat perakuan Dekan HEPA, dan diluluskan oleh Naib Canselor UTeM. Justeru, unit ini akan bertindak untuk memastikan program yang telah diluluskan itu berjalan dengan lancar sebagaimana yang dirancang.

4. Membantu dalam menilai dan menyelia kertas kerja cadangan aktiviti pelajar.
- Kertas kerja cadangan aktiviti pelajar perlulah mengikut format sebagaimana yang telah ditetapkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni. Bagi memastikan kertas kerja tersebut menepati kriteria yang dikehendaki, Unit ini akan membantu pelajar menyemak kertas kerja yang telah disiapkan oleh mereka.

5. Membantu dalam proses penubuhan kelab/ persatuan pelajar.
- Cadangan penubuhan kelab/ persatuan pelajar di UTeM amatlah digalakkan kerana ia dianggap sebagai satu inisiatif dari pelajar itu sendiri untuk bergiat aktif dalam dalam aktiviti kokurikulum.
- Sebarang penubuhan kelab persatuan pelajar di UTeM perlulah melalui Unit ini terlebih dahulu. Unit akan mengenalpasti kewajaran dan rasional penubuhan sesuatu kelab / persatuan pelajar itu, serta jenis persatuan tersebut, samada dikategorikan sebagai Kelab ataupun Sekretariat.
- Unit ini sentiasa bersedia menerima sebarang cadangan penubuhan kelab / persatuan pelajar dengan hati terbuka. Segala prosedur akan dijelaskan bagi memastikan penubuhan sesuatu kelab yang difikirkan mampu menyumbang kepada pembangunan pelajar dapat ditubuhkan dengan jayanya.

6. Menyelaras dan memantau peraturan serta panduan pengurusan kelab/ persatuan serta aktiviti pelajar.
- Unit ini akan sentiasa memastikan pengurusan kelab /persatuan pelajar ini dipantau dari masa ke semasa agar sentiasa bergerak mengikut garis panduan yang telah ditetapkan

7. Menyediakan peluang kepada pelajar untuk mengikuti latihan/ program bagi mempertingkatkan sikap, kemahiran, dan pengetahuan dalam bidang kepemimpinan dan keorganisasian pelajar.
- Organisasi yang Berjaya adalah organisasi yang Berjaya menguruskan organisasinya dengan cemerlang.
- Justeru Unit ini akan sentiasa menyediakan peluang dan ruang untuk pelajar didedahkan dengan pelbagai program yang mampu meningkatkan kemahiran insaniah mereka, khususnya dalam aspek kepemimpinan dan pengurusan organisasi berkesan.

*"Akhlak yang buruk itu ibarat tembikar yang pecah. Tidak dapat dilekatkan lagi dan tidak dapat dikembalikan menjadi tanah." ~ Wahab B. Munabin*

# 2 Program UTAMA UNIT KEPEMIMPINAN DAN AKTIVITI PELAJAR

### STUDENT LEADERSHIP PROGRAM(SLP)

Kemuncak kepada pelbagai program kepemimpinan yang diadakan sepanjang tahun adalah "Student Leadership Program". Program ini menghimpunkan barisan kepimpinan tertinggi kelab dan persatuan pelajar. Antara objektif utama penganjuran program ini adalah untuk meningkatkan dan memantapkan nilai-nilai kepemimpinan dalam diri pemimpin pelajar. Selain itu, program ini juga dilihat sebagai satu medium untuk para pemimpin persatuan ini saling berkenalan, mengeratkan silaturrahim, serta bertukar-tukar pandangan sesama mereka. Nilai-nilai murni yang dibentuk di program ini diharap dapat memberikan impak yang besar dan positif dalam diri pemimpin pelajar tersebut, sekaligus menyumbang kepada pembangunan pelajar secara holistik.

### BENGKEL PEMURNIAN ORGANISASI(BPO)

Program ini dikhususkan kepada semua Setiausaha dan Bendahari kelab/ persatuan pelajar. Dalam program ini, mereka akan didedahkan dengan cara pengurusan organisasi yang betul secara menyeluruh. Bermula daripada pengurusan mesyuarat, persuratan rasmi, penyediaan kertas kerja, sehinggalah kepada pengurusan penganjuran program. Semuanya akan diterangkan secara terperinci oleh staf-staf HEPA yang terlibat secara langsung dalam memastikan semua program pelajar berjalan dengan lancar.

---

## UNIT KAUNSELING PELAJAR

Unit Kaunseling Pelajar UTeM telah ditubuhkan pada 20 Julai 2002 bagi memberikan perkhidmatan yang profesional dan mesra di dalam membantu pelajar mencapai pengembangan dan pengkayaan sahsiah, emosi dan intelektual mahasiswa dalam menghadapi cabaran era Milinium Globalisasi.

#### Perkhidmatan yang disediakan

Unit Kaunseling Pelajar menawarkan pelbagai perkhidmatan kepada para pelajar seperti :

a) Kaunseling Individu dan Kelompok
- Peribadi
- Kerjaya
- Akademik
- Psikososial
- Keluarga
- Kewangan

b) Menjalankan dan memberi tafsiran terhadap ujian-ujian psikologi seperti :-
- Ujian Personaliti A & B
- Ujian Minat Kerjaya SDS
- Inventori Personaliti Sidek
- Inventori Personaliti Warna (IPW)
- Inventori Gaya Bercinta (IGB)
- Inventori Personaliti Junior Eysenk (IPJE)

c) Bengkel/Program/ Kem/ Ceramah /Kursus

d) Khidmat nasihat Kelab Pembimbing Rakan Siswa( PRS)

#### Perkhidmatan yang disediakan

"Satu perhubungan yang profesional di antara kaunselor yang terlatih dengan seorang klien. Perhubungan ini kadangkala ,melibatkan lebih darpada dua individu."

Ia bertujuan membantu klien memahami dan menjelaskan pandangan mereka terhadap ruang kehidupan dan belajar mencapai matlamat yan g mereka tentukan sendiri melalui pemilihan-pemilihan yang bermakna dan melalui penyelesaian masalah yang berbentuk emosi atau antara individu. ( Buks dan Steffire dalam George & Cristiani, 1990) "Satu proses di mana kaunselor menolong klien membuat interpretasi fakta berkaitan pemilihan, perancangan, atau penyesuaian yang perl dibuat." (Smith, G.E, 1955:56)

#### Perkhidmatan yang disediakan

- Pelajar datang terus ke Unit Kaunseling Pelajar
- Melalui panggilan telefon
- Melalui email

#### Waktu Perkhidmatan

| HARI | PAGI | PETANG |
|---|---|---|
| Isnin- Khamis | 8.00 pg – 1.00tgh | 2.00 ptg -5.00 ptg |
| Jumaat | 8.00 pg – 12. 15tgh | 2.45 ptg -5.00 ptg |



**Hadibah Binti Tahir**
Pegawai Psikologi

**Musliha Binti Yusoff**
Pegawai Psikologi

**Sri Kartini Rahayu Binti Nordin**
Pembantu Tadbir (PT/O)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



# PUSAT SUKAN UTeM
# PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

## Info Kompleks Sukan UTeM

- Dibina pada 1 April 2006 dan siap sepenuhnya pada 30 Jun 2007
- Pembinaan melibatkan kos sebanyak RM25,494,807
- Mengandungi stadium sukan, dewan sukan, padang, gelanggang dan gymnasium.
- Merancang akan menambah kemudahan lain seperti sebuah kolam renang, padang lawn bowls, sebuah padang bola sepak, gelanggang futsal, gelanggang tertutup serbaguna dan velodrom basikal.
- Mempunyai 21 orang staf yang bertugas di Bahagian Sukan HEPA yang terdiri daripda Ketua Bahagian, Pegawai Belia dan Sukan Kanan,Penolong Pendaftar, Pegawai Belia dan Sukan, Penolong Pegawai Belia dan Sukan, Pembantu Belia dan Sukan, Pembantu Tadbir, Pembantu Tadbir ( pengurusan stor ), pembantu am pejabat dan pekerja rendah awam.

## Kemudahan Infrastruktur di Kompleks Sukan

| Bil. | Perkara | Kapasiti / Kuantiti |
|---|---|---|
| 1. | **Stadium Sukan** | |
| | • Tempat duduk berbumbung | 500 orang |
| | • Tempat duduk tidak berbumbung | 1,500 orang |
| | • Balapan Sintetik Olahraga (400m) | 1 trek |
| | • Padang Bola Sepak | 1 padang |
| | • Lampu limpah | 4 unit |
| | • Bilik persalinan lelaki dan wanita | 1 bilik |
| | • Surau lelaki dan wanita | 1 bilik |
| | • Sistem audio | 1 set |
| | • Papan layar elektronik | 1 unit |
| 2. | **Dewan Sukan** | |
| | • Tempat duduk penonton | 500 0rang |
| | • Gimnasium | 30 orang |
| | • Gelanggang Badminton (serbaguna) | 6 gelanggang |
| | • Gelanggang Bola Keranjang (serbaguna) | 1 gelanggang |
| | • Gelanggang Bola Jaring (serbaguna) | 1 gelanggang |
| | • Gelanggang Sepak Takraw (serbaguna) | 1 gelanggang |
| 3. | **Padang / Gelanggang Luar** | |
| | • Padang Hoki ( Astroturf ) | 1 padang |
| | • Padang Ragbi | 1 padang |
| | • Padang Bola Sepak | 1 padang |
| | • Gelanggang Tenis | 6 gelanggang |
| | • Gelanggang Bola Lisut | 1 padang |
| | • Gelanggang Bola Baling | 1 padang |
| | • Gelanggang Bola Tampar | 4 gelanggang |
| | • Gelanggang Bola Jaring | 2 gelanggang |
| | • Gelanggang Sepak Takraw | 2 gelanggang |
| | • Gelanggang Bola Keranjang | 1 gelanggang |
| | • Padang Sasar Memanah | 1 padang |

## Kemudahan Peralatan Sukan di Kompleks Sukan

| Bil. | Perkara | Kapasiti / Kuantiti |
|---|---|---|
| | • Basikal | 30 unit |
| | • Bola Sepak ( Bola, jersi dan sebagainya ) | Mengikut keperluan |
| | • Hoki ( kayu hoki,bola hoki, jersi dan sebagainya ) | |
| | • Ping Pong ( raket,meja,bola , jersi dan sebagainya ) | |
| | • Bola Lisut ( kayu pemukul, jersi dan sebagainya | |
| | • Bola Baling | |
| | • Bola Jaring | |
| | • Bola Keranjang | |
| | • Tenis | |
| | • Ragbi | |
| | • Sepak Takraw | |
| | • Bola Tampar | |
| | • Memanah | |
| | • Futsal | |
| | • Street soccer | |
| | • Badminton | |
| | • Olahraga | |
| | • Bola Baling | |
| | • Karom | |
| | • Dart | |
| | • Bola Boling Padang | |
| | • Bot | |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
اونيۏرسيتي تيکنيکل مليسيا ملاک

## Prosuder Pinjaman Peralatan Sukan Dan Permohonan Ruang Kemudahan diKompleks Sukan

| Bil. | Perkara | Hari / Masa | Catatan Tambahan |
|---|---|---|---|
| 1. | **Permohonan Pinjaman Peralatan** | | |
| | • Pinjaman Harian | Isnin – Jumaat ( Jam 8.00pg – 5.00ptg ) | *Semua pemohon perlu mengisi borang permohonan peralatan di kaunter pinjaman peralatan bangunan stadium sukan. |
| | • Pinjaman Jangka Masa Panjang | Isnin – Jumaat ( Jam 8.00pg – 5.00ptg ) | |



*"Jika anda mahu membuat sesuatu, anda akan cari jalan. Jika anda tidak mahu membuat sesuatu, anda akan cari alasan."*
*~ Peribahasa Arab*

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **<u>Pengambilan/Pemulangan Peralatan</u>**<br>• Pinjaman Harian<br><br>• Pinjaman Jangka Masa Panjang | Isnin – Jumaat<br>( Jam 8.00pg – 7.00ptg )<br><br>Isnin – Jumaat<br>( Jam 8.00pg – 5.00ptg ) | *Pemohon perlu membuat urusan di kaunter urusan di Stadium.<br>*Stor utama hanya akan dibuka untuk urusan pada waktu pejabat sahaja. |
| 3. | **<u>Tempahan Ruang kemudahan ( padang & gelanggang )</u>**<br>• Tempahan Khas (untuk penganjuran sukan, aktiviti dan sebagainya) | Isnin – Jumaat<br>( Jam 8.00pg – 5.00ptg ) | *Pemohon perlu membuat surat kepada Ketua atau Pegawai Pusat Sukan HEPA. |
| | • Tempahan Harian | Isnin – Jumaat<br>( Jam 8.00pg – 5.00ptg ) | *Pemohon perlu membuat permohonan 3 hari sebelum tarikh yang hendak digunakan.<br>*Pemohon perlu mengisi borang tempahan dan berurusan di kaunter di bangunan stadium sukan. |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA UTeM

## PERATURAN PENGGUNAAN GIMNASIUM

1. Penggunaan terbuka kepada semua warga UTeM yang berumur 18 ke atas
2. Pengguna diwajibkan berpakaian sukan san membawa ID pengguna (matriks)
3. Pengguna diwajibkan memakai kasut sukan tidak dibenarkan memakai 'Open toe ' sandal atau selipar.
4. Pengguna diwajibkan membawa tuala semasa latihan dan sentiasa bersihkan peluh anda pada peralatan selepas digunakan.
5. Pengguna tida dibenarkan membawa masuk sebarang bentuk makanan dan minuman
6. Pengguna tidak dibenarkan membawa masuk sebarang barang peribadi ke dalam gimnasium
8. Pengguna tidak dibenarkan membawa masuk/keluar sebarang peralatan tanpa kebenaran
9. Pengguna perlu bertanggungjawab keatas kerosakan peralatan yang sengaja dilakukan.
10. Pengguna mestilah menyimpan semula barang-barang dan eralatan di tempat asal setelah digunakan.
11. Pihak kami tidak akan menanggung sebarang ganti-rugi jika berlaku sebarang kecederaan diatas kecuaian sendiri
12. Pihak pengurusan gymnasium tidak akan bertanggungjawab ke atas segala kerosakan atau kehilangan barang peribadi pengguna.

## JADUAL WAKTU OPERASI PENGGUNAAN GIMNASIUM PUSAT SUKAN HEPA UTeM

| HARI | MASA | PENGGUNA |
|---|---|---|
| ISNIN | 2.30 tgh – 4.30 ptg<br>5.00 ptg – 7.00 mlm<br>8.00 mlm – 10.30 mlm | Lelaki / Perempuan<br>Lelaki<br>Lelaki / Perempuan |
| SELASA | 2.30 tgh – 4.30 ptg<br>5.00 ptg – 7.00 mlm<br>8.00 mlm – 10.30 mlm | Lelaki / Perempuan<br>Perempuan<br>Lelaki / Perempuan |
| RABU | 2.30 tgh – 4.30 ptg<br>5.00 ptg – 7.00 mlm<br>8.00 mlm – 10.30 mlm | Lelaki / Perempuan<br>Lelaki<br>Lelaki / Perempuan |
| KHAMIS | 2.30 tgh – 4.30 ptg<br>5.00 ptg – 7.00 mlm<br>8.00 mlm – 10.30 mlm | Lelaki / Perempuan<br>Perempuan<br>Lelaki / Perempuan |
| JUMAAT | 2.30 tgh – 4.30 ptg<br>5.00 ptg – 7.00 mlm<br>8.00 mlm – 10.30 mlm | Lelaki / Perempuan<br>Lelaki<br>Lelaki / Perempuan |
| SABTU | 9.00 pg – 12.00 tgh<br>2.00 ptg – 10.30 ptg | Lelaki / Perempuan<br>Lelaki / Perempuan |

**WAKTU OPERASI DITUTUP : AHAD & CUTI UMUM**

**SEBARANG PERTANYAAN HUBUNGI PUSAT SUKAN UTeM**

Hj. Ismail b. Abdol Jalil (Pengarah Pusat Sukan)-06-5552190
Encik Ishak b. Amin (Pegawai Belia & Sukan-Kanan)-06 5552194
Encik Mohd. Faiuz Azwad b. Mohd. Zauwawi (Pegawai Belia & Sukan)-06 5552388
Cik Siti Sarah bt. Bujang (Pegawai Belia & Sukan)-06 5552034
Encik Mohd. Marwan b. Hj. Abu Kasim (Penolong Pendaftar)-06 5552191
Encik Razali bin Yaakob (Penolong Pegawai Belia & Sukan)-06-5552387
Encik Ahmad Rhafaee b. Samsudin (Penolong Pegawai Belia & Sukan)-06 5552196
Puan Zuraidah bt. Abdullah (Penolong Pegawai Belia & Sukan)-06 5552195
Encik Shaiful Nizam b. Abdul Karim (Penolong Pegawai Belia & Sukan)-06 5552386

*"Lombong emas dalam diri kamu adalah fikiran kamu. Kamu dapat menggalinya sedalam-dalamnya dan sepuas-puas yang kamu inginkan."*
*~ Abdullah Mansur M.H*

## BANGUNAN STADIUM SUKAN





## DEWAN SUKAN






## GIMNASIUM SUKAN





## PADANG & GELANGGANG LUAR

### PADANG BOLA LISUT







### PADANG BOLA BALING

 *Imam Ali bin Abi Talib berpesan: "Tenangkanlah hati dalam waktu-waktu tertentu, kerana jika hati itu merasa letih ia akan menjadi buta"*

## PADANG & GELANGGANG LUAR




PADANG RAGBI DAN BOLA SEPAK



LAPANG SASAR MEMANAH



GELANGGANG BOLA TAMPAR

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA



GELANGGANG BOLA KERANJANG & SEPAK TAKRAW




PADANG HOKI ( ASTROTURF )




GELANGGANG TENIS

# Rakan SISWA



## EN. HAFIZI BIN MOHAMAD
(Unit Pentadbiran)

16 Jun 2006 merupakan lembaran baru buat Hafizi Mohamad dalam memulakan kerjaya di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) apabila beliau memulakan tugas sebagai Juruteknik di Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA). Kini setelah empat tahun berkhidmat, anak jati Kelantan ini masih lagi rajin mempelajari setiap perkara baru di samping terus memberikan khidmat cemerlang bertugas untuk pelbagai majlis dan program seperti Pesta Konvo dan Minggu Haluan Siswa (MHS). Mengawal selia sistem siaraya merupakan antara tugas utamanya untuk program atau majlis tertentu.

Beliau yang lebih mesra dengan nama panggilan Fizi, dilahirkan pada 13 September 1983 dan merupakan anak kedua daripada tujuh adik-beradik. Memulakan pendidikan awal di Sek. Men. Keb. Bunut Susu, Pasir Mas, Kelantan dan kemudian di Sek. Men. Teknik Pasir Mas. Seterusnya menyambung pengajian di Politeknik Kota Bharu, Kelantan dalam bidang Kejuruteraan Elektronik serta berjaya menamatkan pengajian untuk Diploma Kejuruteraan Elektronik di Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak.

Meskipun beliau seorang yang komited terhadap kerjaya tetapi minat terhadap sukan tidak menghalang beliau untuk aktif dalam sukan bola sepak dan badminton dengan mewakili HEPA. Selain itu, pelbagai pengalaman yang manis ditimba sepanjang beliau berkhidmat di UTeM, antaranya bertugas empat tahun berturut-turut untuk Biro Teknikal Pesta Konvo UTeM serta Minggu Haluan Siswa, acara tahunan Perbarisan Kemerdekaan untuk tahun 2006 hingga 2009. Memori manis itu, ditambah pula dengan peluang bertugas sambil berbakti untuk program Baktisiswa di Gua Musang, Mersing dan Alor Gajah. Memandangkan beliau gemar melancong, tugas beliau juga memberikan peluang untuk melawat tempat orang. Semua itu menjadikan beliau bersemangat untuk memberikan komitmen terbaik dalam melaksanakan tugas. Justeru itu, beliau amat berharap semoga perjalanan kerjayanya diberkati Allah di samping menjadi stafn yang efisyen dan berjaya serta mendapat kerjasama daripada semua pihak.

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



## ROSMIZA BINTI HJ. MOHD SAAD
Pembantu Kebudayaan

Pengalaman dirempuh oleh penonton fanatik ketika membuat persembahan bersama Noraniza Idris di Semporna, Sabah menjadi memori yang tidak dapat dilupakan sepanjang pengalaman Rosmiza binti Hj. Mohd Saad ketika menjadi penari. Kini dengan tugas Pembantu Kebudayaan di bawah Unit Kebudayaan di Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), UTeM segala pengalaman dijadikan panduan untuk lebih komited dalam tugas.
Anak kelahiran Melaka ini berkata setiap tugas memerlukan komitmen yang tinggi tambahan pula bidang tugas dulu dan kini tidak jauh berbeza, tetapi setiap tugas harus dijalankan dengan jitu dan bersungguh-sungguh. Beliau yang sebelum ini bercita-cita menjadi guru mula berkhdmat di UTeM pada 6 Oktober 2008 dan aktif dengan kegiatan kebudayaan serta sukan dengan mewakili HEPA untuk bola jaring dan boling.
Ketika ditanya tentang pengalaman manisnya, gadis kecil molek ini berkata menjadi model laman web UTeM serta menjelajahi pelbagai negara seperti Barcelona, Kagoshima, Jepun serta Pakistan adalah antara pengalaman manis yang tidak ternilai kerana beliau percaya dengan ungkapan jauh perjalanan luas pengalaman.

Beliau yang dilahirkan pada 12 Ogos 1982 ini mula aktif menari seawal usia 18 tahun pada tahun 2000 di bawah Kebudayaan Langkawi Aseania, kemudian beralih ke Taman Mini Malaysia dan seterusnya Pak Ngah Production. Dengan pengalaman ini menjadikan beliau dapat memberikan pendekatan yang sama ketika bertugas dengan mengajar atlet menari untuk program Kejohanan Sukan Tahunan Malaysia dan Indonesia 2009(sukmalindo). Selain itu beliau juga pernah membawa penari utem menari di sekolah tinggi seni Indonesia 2009 dan turut serta menari bersama pelajar UTeM untuk Pesta Konvo 2009.
Seni tarian menjadi minat yang mendalam untuk beliau dan amat berharap agar seni tarian tidak luput dan menjadi warisan budaya tradisi.

# Pelajar Praktikal Di HEPA



Nama: Muhd. Rifhan Azim Bin Ruzaiman
Pelajar Diploma Muzik-akademi Seni Dan Warisan Negara (Aswara)
Alamat: No. 84, Jalan Tu 17, Taman Tasek Utama, 75450 Ayer Keroh Melaka
Unit: Unit Kebudayaan Dan Warisan, Hepa
Tempoh Praktikal: 28 Jun 2010 Hingga 23 Julai 2010



**Pelajar Praktikal Unit Kebudayaan Hepa**
Nama : Melley Binti Matius
Alamat : Kiokuchan@yahoo.com
Tarikh Perkhidmatan : 3 Januari 2011 – 17 Jun 2011

Pelajar Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah. Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan dengan Kepujian Sastera Kreatif dalam program Seni Kreatif dan pengkhususan dalam Tari. Pengalaman selama berkhidmat menganjurkan program kebudayaan, membantu dalam pengurusan kebudayaan, mengurus pelajar dan mengajar menari. Program yang telah dianjurkan iaitu Eksperimental Tari Seni Budaya Kontemporari 1 Malaysia dan Bengkel Teknik Tari dan Olah Tubuh. Selain itu, melibatkan diri dalam program yang telah dianjurkan oleh HEPA iaitu Pesta Cahaya, Spring Fest, Karnival Kerjaya, Prtandingan Nasyid dan SUKUM.



Nama : Siti Nurhafifah Musa
Email : fifamuse@yahoo.com
Tarikh perkhidmatan : 3 Januari 2011 sehingga 17 Jun 2011

Merupakan pelajar Sekolah Pengajian Seni Universiti Malaysia Sabah. Kelulusan Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan Dengan Kepujian Sastera Kreatif, program Seni Kreatif major Tari. Semasa menjalani praktikal di sini, telah berkhidmat dalam menganjurkan program samada program Unit Kebudayaan mahupun program yang telah ditetapkan dalam modul Latihan Industri, membantu Unit Kebudayaan dalam hal-hal pentadbiran dan mengiringi pelajar dalam sebarang aktiviti bagi pihak pegawai kebudayaan. Menganjurkan program Bengkel Teknik Tari dan Olah Tubuh serta Eksperimental Tari Seni Budaya Kontemporari 1 Malaysia. Antara program anjuran Unit Kebudayaan dan Warisan HEPA UTeM yang disertai ialah Pesta Cahaya, Karnival Spring Festival, Spring Festival, Festival Nasyid UTeM dan Karnival Kerjaya serta SUKUM 2011.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# Berita HEPA

## Tahniah kepada staf HEPA

kerana mendapat anugerah Perkhidmatan Cemerlang di Majlis Hari Kualiti UTeM yang telah diadakan pada 18 Mei 2011 di Dewan Besar UTeM.

1. Encik Mohd. Nizam bin Mazlan- Ketua Penolong Pendaftar
2. Puan Zuraida bt. Mohamed Taib- Penolong Pengurus Asrama
3. Cik Shamsiah bt. Omar- Penolong Akauntan
4. Puan Nor Anidah bt. Ab. Karim- Jururawat
5. Encik Mohd. Yusri bin Misron-Pembantu Belia dan Sukan
6. Mohd. Faizal b. Md. Ghazali- Penyelia Asrama
7. Encik Mazlan bin Mahat- Pembantu Tadbir (P/O)
8. Encik Noor Hafiza bt. Othman- Pembantu Tadbir (P/O)
9. Encik Sariman bin Ajis-Pemandu
10. Encik Azahar bin Sidek-Pemandu
11. Encik Mohd. Azari bin Zakaria-Pemandu





## UTeM TUAN RUMAH MESYUARAT KEUSAHAWANAN IPTA

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah dipilih untuk menjadi tuan rumah Mesyuarat Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti-Universiti Malaysia (MAKMUM) yang telah diadakan dikampus induk Durian Tunggal, Melaka.

Seramai 30 wakil universiti dari 20 IPTA telah hadir dalam mesyuarat yang pertama kalinya diadakan di UTeM. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Pengerusi MAKMUM yang merupakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Prof. Datuk Dr. Mortaza b. Mohamed. Turut hadir Dekan HEPA UTeM Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman.

MAKMUM menurut Zainudin lagi, adalah merupakan penyelaras bagi sebarang aktiviti keusahawanan yang dianjurkan oleh setiap IPTA. MAKMUM juga turut menganjur berbagai program dan kursus keusahawanan bagi semua IPTA disamping mendapat kerjasama daripada agensi kerajaan lain seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Majlis Amanah Rakyat (MARA), SME Bank, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Perbadanan Nasional Berhad (PNS).

Peserta dari seluruh IPTA juga turut diraikan di dalam satu majlis makan malam di medan ikan bakar Umbai..





## PASUKAN UKM KUALA LUMPUR ADAKAN PERLAWANAN PERSAHABATAN DENGAN HEPA UTeM



Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menerima kunjungan balas seramai 30 orang kakitangan dari pasukan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kampus Kuala Lumpur bagi mengadakan beberapa perlawanan persahabatan di kampus induk UTeM Durian Tunggal.

Antara sukan yang diadakan ialah karom, badminton yang diadakan pada sebelah petang di kompleks sukan manakala pertandingan bolasepak dijalankan pada sebelah malam di stadium UTeM.

Tujuan diadakan perlawanan ini adalah bagi mengeratkan lagi silaturahim antara kedua-dua universiti disamping bagi kedua-dua pasukan untuk menghadapi kejohanan antara jabatan yang akan mula diadakan pada hujung bulan Januari nanti.

Bagi acara bolasepak dan badminton kedua-dua pasukan telah seri 2-2 dan 3-3, manakala bagi acara karom pasukan HEPA telah tewas 2-3. Kedua-dua pasukan akan bertemu lagi pada hujung tahun ini UKM kampus Kuala Lumpur





## HEPA ANJUR KURSUS FASILITATOR MINGGU HALUAN SISWA

Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan kursus untuk pelajar yang akan menjadi fasilitator sempena Minggu Haluan Siswa (MHS) sesi 2011/2012 di Dusun Eco Resort, Bentong, Pahang kelmarin.

Menurut penyelaras program Hj. Razali Abd Jalil, seramai 150 orang pelajar telah dipilih untuk menjadi fasilitator dari seramai hampir 400 yang memohon. Pelajar yang dipilih ini adalah terdiri dari tahun 1 hingga tahun 3 dan proses pemilihan adalah melalui sesi temuduga. Mereka yang dipilih ini juga terdiri dari pelajar yang aktif didalam persatuan yang mereka anggotai. MHS ini akan dikendalikan oleh pelajar senior dimana peranan fasilitator ini adalah seperti duta kecil untuk menyampaikan maklumat mengenai UTeM kepada pelajar-pelajar baru UTeM nanti. Pada tahun ini, UTeM akan membuat dua kali pengambilan pelajar iaitu untuk bulan Jun bagi program diploma dan September untuk program ijazah sarjana muda.

Tujuan diadakan program ini ialah untuk mempertingkatkan jati diri serta kualiti kepimpinan dalam diri fasilitator menerusi pengilbatan di dalam organisasi dan pengurusan, memberi pendedahan awal kepada fasilitator mengenai persediaan serta persiapan yang perlu dibuat dan melengkapkan diri mahasiswa dari segi sahsiah diri, fizikal dan mental untuk menjayakan MHS. Latihan yang diberikan adalah melalui 3 kaedah penyampaian iaitu ceramah, latihan dalam kumpulan (LDK) dan aktiviti penyelesaian masalah katanya lagi.

Turut menyampaikan ceramah ialah Ketua Timbalan Pendaftar HEPA Zainudin Ahmad dengan tajuk UTeM Ku Terbilang dan Peranan dan Cabaran Fasilitator MHS. Program ini juga turut dibantu oleh 6 orang jurulatih dari Kor Polis Siswa UTeM (SUKSIS) yang mengendalikan latihan kawad, pembelajaran kompas, program larian berhalangan serta berakit.



## NC UTeM KETUAI PROGRAM JEJAK KINABALU

Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan program Ekspedisi Jejak Kinabalu 2011 mulai 19 hingga 22 Jun ini untuk menawan Gunung Kinabalu, gunung yang tertinggi di Asia Tenggara.

Menurut penyelaras program Mohd. Nizam Mazlan yang juga Ketua Penolong Pendaftar Bahagian Pembangunan Pelajar HEPA ekspedisi ini turut di sertai oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan, Penolong Naib Canselor HEPA Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman, Ketua Timbalan Pendaftar HEPA Zainudin Ahmad dan 15 orang pegawai dari pejabat HEPA dan pemimpin pelajar yang mewakili Kelab-kelab dan Persatuan di UTeM ini. Program ini juga mendapat kerjasama sepenuhnya dari Universiti Malaysia Sabah (UMS). Seramai 3 orang pelajar dan dua orang staf HEPA telah berjaya menawan gunung berkenaan. Syabas diucapkan.



## PEJABAT HEPA UTeM ANJUR KEMPEN DERMA DARAH

Klinik Pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Pusat Perkhidmatan Darah, Hospital Besar Melaka telah menganjurkan Kempen Derma Darah bertempat di Pusat Persatuan Pelajar, kampus Induk UTeM, Durian Tunggal Melaka. Program ini diadakan bermula pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

Menurut Pegawai Perubatan UTeM, Dr. Muhammad Takrimi Shahabudin kempen tersebut diadakan bertepatan dengan seruan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk membantu menampung masalah kekurangan bekalan darah di hospital-hospital Kerajaan Malaysia. Ia juga merupakan salah satu khidmat masyarakat yang disumbangkan oleh warga UTeM kepada pesakit-pesakit di hospital-hospital yang memerlukan bantuan darah dengan segera. Program ini juga adalah untuk meningkatkan kesedaran kepada semua warga UTeM tentang kepentingan membantu menyelamatkan nyawa pesakit dan memberi penerangan kebaikan menderma darah.
Program yang dijalankan selama dua hari ini disasarkan kepada seluruh warga UTeM katanya lagi.



## HEPA terima lawatan IKIP

Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menerima lawatan seramai 11 orang pelajar dan 2 orang pegawai pengiring dari Kolej IKIP,Pahang bagi mengadakan lawatan ke kampus induk UTeM Durian Tunggal kelmarin.

Rombongan yang diketuai oleh Jusniza Baharuddin, Penolong Pengurus Hal Ehwal Pelajar telah membawa pemimpin kelab kolej berkenaan bagi mendapat pengetahuan dan pengalaman yang lebih luas serta dapat berkenalan dan bertukar pendapat bersama dengan pemimpin kelab dan persatuan dari UTeM.

Rombongan telah disambut dan diberi taklimat mengenai universiti dan fungsi pejabat HEPA oleh Penolong Pegawai Tadbir, Unit Komunikasi Pelajar Ruzaiman Abdul Rahman. Turut hadir beberapa orang pemimpin kelab dan persatuan di UTeM. Rombongan juga telah dibawa melawat di sekitar pejabat HEPA dan Pusat Persatuan Pelajar serta sekitar kampus UTeM.

Beliau amat tertarik dengan kemudahan yang diberikan oleh UTeM kepada para pelajar dan mengharapkan agar kedua-dua pemimpin kelab dan persatuan ini dapat bekerjasama dengan mengadakan berbagai aktiviti-aktiviti demi kebaikan bersama




## PEJABAT HEPA ANJUR KURSUS PERSEDIAAN PEMIMPIN PELAJAR

Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Kursus Persediaan Pemimpin Pelajar di salah sebuah hotel di Tanjung Bidara, Melaka.

Menurut pengarah program Ahmad Ibrahim Yazirruddin berkata antara objektif kursus ini ialah bagi mengasah bakat kepimpinan yang ada di dalam setiap calon, supaya calon lebih bersedia untuk berhadapan dengan situasi sebenar pilihanraya kampus, melatih calon bersikap proaktif dan kreatif agar dapat dimenafaatkan dalam meniti arus kehidupan selepas bergelar graduan, membentuk kemuluran



insaniah dan modal insan di dalam diri calon MPP dan melengkapkan diri calon dari segi sahsiah, fizikal dan mental dalam menghadapi cabaran kehidupan sebagai pemimpin pelajar.

Antara penceramah ialah Pegawai Undang-Undang UTeM, Azhar Mohamad serta wakil dari Biro Tatanegara (BTN). Turut diadakan ialah simulasi pilihanraya dan Latihan Dalam Kumpulan (LDK).

Seramai 40 bakal calon yang akan menyertai pilihanraya kampus pada 21 Februari ini telah turut serta dalam kursus ini. Majlis perasmian penutup kursus ini telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan. Turut hadir, Dekan HEPA Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman, Ketua Timbalan Pendaftar HEPA Zainudin Ahmad dan pegawai HEPA. Didalam ucapannya, beliau meminta bakal pemimpin mempunyai keyakinan diri, kreatif dan inovatif, berpengetahuan am, boleh berkomunikasi dengan baik dan mempunyai kesungguhan yang lebih. Beliau menambah, menjadi pemimpin adalah merupakan satu latihan untuk lebih berwibawa, mendapatkan lebih pengalaman dan menjadi nilai tambah selepas bergraduat nanti.

## Proses Pilihanraya UTeM Berjalan Lancar



Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan pilihanraya bagi memilih ahli Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2010/2011 semalam di kampus Induk Durian Tunggal, Kampus Bandar di Jalan Hang Tuah, Melaka dan kampus MARS di Ayer Keroh. Proses pengundian telah berjalan dengan lancar dengan tiada masalah yang berlaku di ketiga-tiga kampus berkenaan dengan penggunaan kaedah e-voting.

Sebanyak 8 kerusi umum dan 14 kerusi fakulti dipertandingkan pada pemilihan pada tahun ini. Manakala 3 kerusi di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal telah diistiharkan menang tanpa bertanding. Dari 14 kerusi yang dipertandingkan sebanyak 3 kerusi di pertandingkan di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi manakala 2 kerusi akan di pertandingkan di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan.

Seramai 7128 pelajar UTeM layak untuk mengundi pada kali ini. Manakala pelajar yang keluar mengundi adalah seramai 4841. Peratusan keluar mengundi pula adalah sebanyak 67.92 Peratusan ini adalah lebih baik dari tahun lepas sebanyak 62.01% Pemenang bagi undi terbanyak bagi kerusi umum ialah Muhd. Nur Jamaluddin Jusoh dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal yang mendapat undi sebanyak 3762 undi. Pengumuman keputusan pilihanraya ini telah dilakukan oleh Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni



UTeM, Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman pada jam 5.30 petang

Proses pembuangan undi telah diadakan di lobi setiap fakulti, bangunan Pusat Persatuan Pelajar, Pusat Siber, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, Makmal Fasa B di Ayer Keroh dan di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan di kampus bandar. Pengundian telah diadakan mulai jam 8.30 pagi dan berakhir jam 5.00 petang.

## Lawatan Ke UUM Dan USM
# TINGKATKAN PENGETAHUAN

Seramai 16 orang kakitangan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Lawatan ini turut disertai oleh Dekan HEPA Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman, Ketua Timbalan Pendaftar Zainudin Ahmad. Menurut Prof. Marizan antara tujuan mengadakan lawatan ini ialah bagi mengetahui dengan lebih mendalam mengenai Pusat Keusahawanan Pelajar di UUM dan Parlimen Mahasiswa di USM. Antara lain tujuan lawatan juga bagi membangunkan sahsiah pelajar dengan berteraskan keusahawanan. Pejabat HEPA juga dalam merangka untuk menubuhkan Kor Siswa pada bulan September ini dan sedang menyiapkan permatang pelajar untuk kegunaan pelajar mengusahakan perniagaan.

Semasa di UUM, rombongan UTeM telah diberi taklimat oleh Prof. Dr. Hasan Ali, Pengarah Eksekutif Institut Pembangunan Keusahawan dan Koperasi (CEDI) dan Muhd Iskandar Zulkarnain Muhd Suhaimi, Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Keusahawanan Siswa, CEDI. Rombongan ini juga turut melawat Varsiti Mall dimana pelajar-pelajar UUM mengusahakan berbagai perniagaan disana antaranya perniagaan kafetaria, telekomunikasi, komputer, francais, pakaian dan kedai buku.

Manakala di USM pula rombongan telah disambut dan diberi taklimat oleh Timbalan Naib Canselor Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP) Profesor Datuk Omar Osman. Beliau menerangkan mengenai latarbelakang penubuhan Parlimen Mahasiswa USM. UTeM juga turut merancang untuk menubuhkan parlimen mahasiswa yang akan dianggotai oleh presiden kelab dan persatuan yang ada di UTeM ini. Mereka akan membincang hal-hal mengenai kebajikan pelajar untuk dibawa ke pihak pengurusan universiti. Rombongan UTeM turut dibawa melawat ke kompleks BHEPP yang baru siap dibina.



# Karnival Kerjaya






Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dengan kerjasama Pusat Jaringan Industri dan Komuniti (ICNET) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan Karnival Kerjaya baru-baru ini di Dewan Besar, Kampus Induk Durian Tunggal.

Menurut Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman karnival kerjaya ini telah disertai oleh hampir 40 syarikat dan industri untuk mengadakan pameran, ceramah kerjaya dan temuduga terbuka kepada warga UTeM yang akan tamat pengajian pada tahun ini dan masyarakat luar yang ingin mencari pekerjaan. Turut diadakan juga pameran dari fakulti-fakulti di UTeM yang akan mempamerkan hasil-hasil penyelidikan mereka serta projek pelajar tahun akhir. Turut serta adalah gerai pameran dari Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) dan dari Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar, UTeM.

Menurut beliau lagi, antara objektif karnival ini ialah untuk memberi peluang dan pendedahan kepada bakal graduan berkaitan realiti sebenar dunia pekerjaan, menyediakan Pusat Sehenti kepada majikan dan bakal-bakal graduan, menemukan para majikan dan bakal graduan secara langsung dan berinteraksi bagi membantu dalam penjodohan kerja dan meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran bakal graduan mencari pekerjaan.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan. Turut hadir pegawai-pegawai kanan universiti, kakitangan dan pelajar UTeM. Didalam ucapannya Dr. Ahmad Yusoff mahukan graduan mempunyai kemahiran asas yang diperlukan oleh majikan seperti kemahiran berkomunikasi dan penguasaan dalam Bahasa Inggeris. Hal ini ditambah dengan sikap graduan memilih kerja serta meminta gaji yang tinggi. Justeru itu graduan perlu megnubah sikap dan perlakuian mereka kerana diperingkat awal pekerjaan mereka perlu menekankan penimbaan pengalaman sebagai yang utama.

Dengan adanya karnival kerjaya ini dapat mempertemukan graduan dan bakal-bakal majikan yang serasi dengan skop dan permintaan bagi syarikat yang memerlukan kakitangan baru dan pelajar juga boleh merancang kerjaya mereka katanya lagi.

# Aktiviti Kelab Usrati

## PEJABAT HEPA Raikan KAKITANGAN BERHENTI DAN BERPINDAH JABATAN

Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) melalui Kelab Kebajikan dan Staf HEPA (USRATI) telah meraikan kakitangannya yang berhenti dan yang berpindah ke jabatan baru di Pejabat HEPA kelmarin. Turut diraikan, 14 kakitangan yang lahir dari bulan Januari hingga Mac, kelahiran anak, perkahwinan serta perpisahan pelajar praktikal. Majlis turut dihadiri oleh Dekan HEPA Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman, Ketua Timbalan Pendaftar HEPA Zainudin Ahmad dan staf HEPA.

Mohd. Syafiq Md. Taib, Penolong Pendaftar di Unit Aktiviti telah ditawarkan menjawat jawatan lain di salah syarikat swasta di Melaka, manakala Norazlina Md. Aris PembantuTadbir Kewangan telah berpindah ke Pejabat Penerbit Universiti di kampus Bandar, Jalan Hang Tuah, Melaka.



Sementara itu Azizul Ikram Kamarudin pelajar praktikal di Pusat Sukan dan Syazwan Mohamad pelajar praktikal di Bahagian Pentadbiran & Kewangan turut sama diraikan setelah tamat menjalani latihan masing-masing.

Prof. Marizan dalam ucapannya, mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah sama-sama memajukan dan membantu pejabat HEPA di dalam pelbagai aktiviti semasa mereka berkhidmat di pejabat HEPA.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
UTeM

## Kelab Usrati bacaan yassin

Kelab USRATI juga turut mengadakan majlis bacaan Yassin dan Tahlil di Klinik Pelajar UTeM yang dihadiri oleh seramai 40 orang staf. Program ini diadakan mengikut giliran yang akan di hoskan oleh Bahagian yang ada di pejabat HEPA. Turut hadir Ketua Timbalan Pendaftar HEPA Zainudin Ahmad dan Pengerusi USRATI Hj. Razali b. Abd. Jalil.





## PEJABAT HEPA SERTAI Sukan Antara Jabatan

Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah menyertai 14 acara dari 16 acara yang dipertandingkan di dalam Sukan Antara Jabatan yang berlansung dari bulan Januari hingga Jun lepas. Pejabat HEPA telah memenangi Johan di dalam pertandingan Bolajaring, Naib Johan dalam acara bolasepak dan futsal dan tempat ketiga dalam acara boling padang.. Tahniah diucapkan kepada kepada staf HEPA yang menyumbang tenaga dalam menyertai sukan antara jabatan ini.





# Selamat Datang KE HEPA



En. Zulkifli bin Ishak
(Penolong Pendaftar - Unit Pentadbiran)



En. Mohd Nawawi bin Mohamad
(Penolong Pendaftar - Pusat Sukan)



En. Zuhaimi bin Alias
(Pembantu Tadbir - Unit Kerjaya dan Alumni)



Cik Zatur Rawihah binti Ramli
(Pembantu Tadbir - Pusat Sukan)

# Terima Kasih Dari HEPA

En. Mohamad Fuad bin Ja afar
(Penolong Pegawai Tadbir Kanan - Unit Kenderaan)

En. Fadzly bin Nordin
(Pembantu Tadbir - Unit Kerjaya dan Akumni)

Pn. Noor Hafiza binti Othman
(Pembantu Tadbir - Unit Kebajikan)

# Selamat Pengantin Baru



SHAMSIAH BTE OMAR
(Penolong Akauntan) telah di ijabkabulkan dengan pasangan hidup beliau
MOHD FAIRUS BIN ABDOLLAH
pada 3/6/2011.
"SEMOGA KEKAL SEHINGGA AKHIRHAYAT...
sayangggabang"

# Selamat Hari Lahir

| Bil | Nama | Jawatan | Tarikh Lahir |
|---|---|---|---|
| 1 | Krishnan A/L Marimuthoo | Penolong Pegawai Perubatan | 5-Apr-1950 |
| 2 | Bahari bin Mahmud | Pemandu Kenderaan | 3-Apr-1962 |
| 3 | Marizan bin Sulaiman, Engr. Prof. Dr. | Profesor Gred Khas 'B' | 16-Apr-1962 |
| 4 | Ishak bin Amin | Pegawai Belia dan Sukan Kanan | 17-Jun-1963 |
| 5 | Azahar bin Sidek | Pemandu Kenderaan | 18-Feb-1964 |
| 6 | Abdul Majid bin Isnin | Pemandu Kenderaan | 21-Feb-1964 |
| 7 | Faridah binti Ahmad | Pem. Tadbir (P'keranian & Operasi) Kanan | 12-Mar-1964 |
| 8 | Atan bin Adam | Pemandu Kenderaan | 2-Feb-1965 |
| 9 | Mat Samsuddin bin Omar | Pemandu Kenderaan | 7-Apr-1965 |
| 10 | Mokhtar bin Aman | Penyelia Asrama | 18-Jun-1965 |
| 11 | Hamidon bin Yaacob | Penolong Pegawai Perubatan Kanan | 24-Jun-1965 |
| 12 | Jamaluddin bin Abd Aziz | Pemandu Kenderaan | 27-Jan-1967 |
| 13 | Noornahar binti Akashah | Timbalan Pendaftar | 6-May-1968 |
| 14 | Zuhaimi bin Alias | | 16-Feb-1970 |
| 15 | Amir Sharifuddin bin Mohd Yasin | Penyelia Asrama | 30-May-1970 |
| 16 | Abdul Rashid bin Abdul Rahman | Penyelia Asrama Kanan | 15-Feb-1972 |
| 17 | Raiman bin Ismail | Pemandu Kenderaan | 15-Feb-1972 |
| 18 | Zamrin Hasbullah bin Hj. Tamby Omar | Penyelia Asrama | 18-May-1972 |
| 19 | Noor Raffidah binti Haron | Pegawai Perubatan | 13-Jan-1973 |
| 20 | Mazlan bin Mahat | Pem. Tadbir (P'keranian & Operasi) | 25-Apr-1973 |
| 21 | Shahrul bin Abdul Rahim | Penyelia Asrama | 20-Jun-1973 |
| 22 | Naszri bin Bidin | Pemandu Kenderaan | 13-Mar-1974 |
| 23 | Azlina binti Amzah | Setiausaha Pejabat | 28-Apr-1974 |
| 24 | Hamdan bin Daut | Pemandu Kenderaan | 17-Feb-1975 |
| 25 | Zalinawati binti Razali | Penyelia Asrama | 29-Apr-1975 |
| 26 | Asshari bin Abbas | Pembantu Am Pejabat | 29-Apr-1976 |
| 27 | Mohd Nizam bin Mazlan | Ketua Penolong Pendaftar | 5-May-1976 |
| 28 | Mohd Yusri bin Misron | Pembantu Belia dan Sukan | 19-May-1976 |
| 29 | Rafidah binti Md Dusa | Penolong Pendaftar | 29-May-1976 |
| 30 | Syahira binti Hj Mohd Adnan | Ketua Penolong Pendaftar | 16-Feb-1977 |
| 31 | Mazne binti Ja'affar | Pengurus Asrama | 2-Mar-1977 |
| 32 | Sri Kartini Rahayu binti Nordin | Pem. Tadbir (P'keranian & Operasi) | 4-Mar-1977 |
| 33 | Siti Roheizah binti Mohni | Setiausaha Pejabat | 11-Mar-1977 |
| 34 | Huzaimah binti Husin | Jururawat | 3-May-1977 |
| 35 | Zulkifli bin Ishak | Penolong Pendaftar | 17-May-1977 |
| 36 | Azlan bin Suparman | Penyelia Asrama | 4-Mar-1978 |
| 37 | Mohammad Faizal bin Sahar | Pemandu Kenderaan | 11-May-1978 |
| 38 | Mohamad Fuad bin Ja'afar | Penolong Pegawai Tadbir Kanan | 15-May-1978 |
| 39 | Zaini bin Abbas | Penolong Pegawai Kebudayaan | 22-May-1978 |
| 40 | Muhammad Nizam bin Mansor | Pem. Tadbir (P'keranian & Operasi) | 8-Jan-1979 |
| 41 | Razali bin Yaakob | Penolong Pegawai Belia & Sukan | 2-Feb-1979 |
| 42 | Zuraidah binti Abdullah | Penolong Pegawai Belia & Sukan | 4-Jan-1980 |
| 43 | Sabrina binti Hj. Saleh | Penolong Pengurus Asrama | 25-Jan-1980 |
| 44 | Maswatee binti Abd Gaffar | Setiausaha Pejabat | 14-Mar-1980 |
| 45 | Ahmad Affenday bin Mohamed Sani | Pembantu Belia dan Sukan | 2-May-1980 |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Selamat Hari Lahir

| | | | |
|---|---|---|---|
| 46 | Shahrulfadli bin Yahaya | Penolong Pegawai Kebudayaan | 8-May-1980 |
| 47 | Noor Hafiza binti Othman | Pem. Tadbir (P'keranian & Operasi) | 26-May-1980 |
| 48 | Norasikin binti Md Isa | Pembantu Belia dan Sukan | 13-Jun-1980 |
| 49 | Zairina binti Jamil | Pembantu Belia dan Sukan | 19-Jun-1980 |
| 50 | Mohamad Saiful bin Sahar | Pekerja Awam | 1-Jan-1981 |
| 51 | Netty Muhalizza binti Mohd Fadzil | Penolong Pegawai Kebudayaan | 11-Jun-1981 |
| 52 | Najib bin Abdullah | Pembantu Belia dan Sukan | 29-Jun-1981 |
| 53 | Mohd Yaszli bin Mohamed Rahis | Penolong Pendaftar | 5-Jan-1982 |
| 54 | Suhaimi bin Mohd Noh | Pem. Tadbir (Penyelenggara Stor) | 4-Mar-1982 |
| 55 | Mardhiana binti Mohamad | Penyelia Asrama | 12-Mar-1982 |
| 56 | Nooraznina Irma Binti Mustafa | Pem. Tadbir (P'keranian & Operasi) | 1-Apr-1982 |
| 57 | Asnan bin Abas | Juruteknik Kanan | 27-Apr-1982 |
| 58 | Norhasrinda binti Nazri | Penyelia Asrama | 8-Jun-1982 |
| 59 | Norashikin binti Hashim | Pembantu Belia dan Sukan | 15-Jun-1982 |
| 60 | Nurul Afiza binti Bahari | Pem. Tadbir (P'keranian & Operasi) | 18-Jan-1983 |
| 61 | Siti Aminah binti Md Ali | Penyelia Asrama | 20-Feb-1983 |
| 62 | Hafizi bin Mohamad | Juruteknik | 13-Sep-1983 |
| 63 | Mohd Fairuz Azwad Bin Mohd Zauwawi | Pegawai Belia dan Sukan | 7-Mar-1984 |
| 64 | Hadibah binti Tahir | Pegawai Psikologi | 2-Jun-1984 |
| 65 | Noradila binti Abd Rahim | Penyelia Asrama | 12-Jun-1984 |
| 66 | Siti Sarah binti Bujang | Pegawai Belia dan Sukan | 6-Jan-1985 |
| 67 | Nurul Aina binti Abd Ghani | Pem. Tadbir (P'keranian & Operasi) | 13-Feb-1985 |
| 68 | Amirruddin bin Jamaludin | Penyelia Asrama | 9-Apr-1985 |
| 69 | Nurul Hida binti Zulkifli | Pem. Tadbir (P'keranian & Operasi) | 22-Jun-1985 |
| 70 | Noor Yusniza binti Yusof | Pem. Tadbir (P'keranian & Operasi) | 18-May-1986 |
| 71 | Ahmad Farhan bin Jamaludin | Atendan Kesihatan | 28-Jan-1988 |
| 72 | Nadhirah binti Sarpin | Penolong Pegawai Farmasi | 30-Apr-1988 |
| 73 | Nur Hairul Nizam bin Azizan | Pekerja Awam | 18-Jan-1989 |
| 74 | Muhammad Ashraff bin Nor Rizan | Pembantu Belia dan Sukan | 27-Feb-1989 |
| 75 | Muhammad Akmal bin Mad Yatim | Pem. Tadbir (P'keranian & Operasi) | 18-May-1990 |

UTeM UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

*Sifat pemarah adalah musuh utama akal. ( saidina Ali Abi Talib ).*

# SPOT ME SPOT



# ME SPOT ME


1 - 03 Jun 2011
Pertandingan Nyanyian Lagu Puisi IPTA
SEMPENA PELANCARAN KEMPEN KAMI PRIHATIN
"APAKAH D AKU"
PERINGKAT INSTITUSI PEN TINGGI

# Sekretariat Karisma UTeM DILANCAR

Sekretariat Kumpulan Rakan Siswa Jasa Malaysia (KARISMA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah dilancarkan dengan rasminya oleh Taharah Ahmad yang mewakili Adenan Hj. Othman Pengarah Bahagian Pembangunan Insan Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia (KPKKM) di Auditorium Canselori, kampus induk Durian Tunggal kelmarin. Turut hadir Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman, Penasihat KARISMA UTeM Ruzaiman Abdul Rahman, Exco-exco KARISMA Kebangsaan, Presiden KARISMA UTeM Ahmad Nur Siddiq Adlan dan ahli-ahli KARISMA UTeM.

Menurut Ahmad Nur Siddiq , KARISMA ini adalah dibawah JASA, KPKKM dan diluluskan penubuhan oleh pejabat HEPA pada bulan November tahun lepas. Antara objektif penubuhan ialah bagi membina generasi muda pelapis kepimpinan Negara yang berkualiti melalui pendedahan-pendedahan baru dari segi teknologi-teknologi terkini bidang komunikasi, penyiaran, kebudayaan, kesenian dan kemasyarakatan, melahirkan mahasiswa yang bermoral, beretika, berpegang teguh kepada nilai-nilai agama dan mempunyai sikap progresif serta minda kelas pertama dan mendidik mahasiswa yang berpegang kepada konsep berpersatuan seperti aspek kepimpinan, komunikasi, berpasukan dan kesukarelawanan.

Menurutnya lagi keahlian KARISMA ini adalah terbuka kepada seluruh mahasiswa UTeM dan peserta akan dilatih oleh JASA untuk mengikuti Kem Rakan Siswa. Antara aktiviti yang akan dianjurkan oleh KARISMA ialah bicara tokoh, merakyatkan seni dan budaya bangsa, merentas kampus, lawatan ke universiti luar Negara, seminar peningkatan kualiti pelajar, khidmat siswa ke Sabah dan Sarawak, sukan antara universiti serta penjelasan mengenai isu semasa Negara. KARISMA juga merancang untuk mengadakan beberapa program dan aktiviti serta mengadakan lawatan disamping program kemasyarakatan.

Turut diadakan, upacara memotong kek sebagai gimik pelancaran KARISMA UTeM serta penyampaian hadiah bagi sukan kembara yang telah diadakan pada sebelah paginya di Hutan Rekreasi, Ayer Keroh. Sempena majlis pelancaran ini, juga telah diadakan bacaan Yassin, Tahlil dan doa selamat di Masjid UTeM pada sebelah petangnya.




# Pusat Sukan UTeM anjur Klinik Memanah

Pusat Sukan, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan klinik memanah kepada 40 orang pelajar yang meminati sukan ini di padang UTeM kampus induk Durian Tunggal.



Menurut penyelaras program Mohd. Yusri Misron, klinik yang diadakan dua hari ini diadakan bagi melatih ahli-ahli baru kelab memanah UTeM serta mencungkil bakat-bakat baru bagi mewakili UTeM dalam pelbagai pertandingan peringkat negeri serta peringkat Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM).

Klinik memanah ini di dikendalikan oleh dua orang jurulatih bertauliah dari Wilayah Persekutuan dan juga Melaka. Kedua-dua jurulatih ini pernah melatih skuad SUKMA negeri masing-masing pada kejohanan SUKMA yang telah berlangsung di Melaka tahun lepas. Latihan dari segi aspek teori dan praktikal telah dijalankan bagi memantapkan lagi kaedah latihan untuk sukan memanah ini.

Menurut beliau lagi, klinik memanah ini akan diadakan pada setiap masa bagi UTeM mencungkil bakat baru untuk diketengahkan diperingkat negeri dan kebangsaan.



# Pelajar UMK lawat UTeM

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus menjadi jadi tumpuan untuk lawatan dari institusi luar bagi mengetahui perkembangan UTeM yang telah berusia 10 tahun ini dan bertukar-tukar fikiran dan maklumat.

Kelmarin seramai 30 orang pelajar dari Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah membuat kunjungan balas ke UTeM bagi menjalinkan hubungan dengan ahli-ahli PRS UTeM. Rombongan yang diketuai oleh Pegawai Psikologi UMK Haji Wan Sufian telah disambut oleh Pegawai Psikologi UTeM Musliha Yusoff dan Hadibah Tahir serta ahli kelab PRS UTeM.

Menurut Musliha, ahli-ahli PRS UTeM telah membuat lawatan ke UMK pada bulan November lepas dan telah menimba banyak pengalaman dan ilmu semasa mereka berada di sana. Rombongan dari UMK telah diberi taklimat mengenai perkembangan UTeM oleh pegawai dari Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat dan seterusnya dibawa melawat ke Unit Kaunseling Pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dan ke sekitar kampus. Ahli-ahli PRS kedua-dua universiti ini turut mengadakan perbincangan serta latihan dalam kumpulan (LDK) bagi memantapkan lagi program-program yang akan dijalankan pada masa akan datang.

Beliau mengharapkan agar kedua-dua ahli PRS ini akan terus menjalinkan hubungan bagi kebaikan bersama

*Dari Abu Mas'ud ra, katanya Nabi SAW bersabda:*
*"Apabila seorang laki-laki memberikan nafkah kepada keluarganya dengan ikhlas, maka (pahala) nafkah itu sama dengan (pahala) sadaqah."*
*(Sahih Bukhari)*

# Aktiviti PELAJAR



## PELAJAR UTeM *Terima Bantuan*

Pelajar Muhamad Ferdaus Ayob yang menghadapi sakit jantung telah mendapat perhatian serius dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan menerima sumbangan sebanyak RM15,000 bagi membiayai pembedahan jantung di Institut Jantung Negara (IJN).

Beliau merupakan pelajar tahun empat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (kawalan, instumentasi dan automasi) berasal dari Tanjung Rambutan, Ipoh Perak mula mengidap sakit jantung sejak dari tingkatan empat lagi dan sering menerima rawatan susulan di IJN. Beliau memerlukan lebih kurang RM40,000 bagi menjalani pembedahan tersebut. Sumbangan yang diberi adalah sumbangan dari pelajar dan kakitangan UTeM sebanyak RM5,000 dan UTeM menyumbang sebanyak RM10,000.

Satu majlis pemyerahan cek kepada pelajar berkenaan telah berlangsung di pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dan disampaikan oleh Dekan HEPA Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman. Turut hadir bapa beliau Ayob Zenal seorang pesara tentera, ibu Masetah Mohd. Yusop, Timbalan Pendaftar HEPA Noornahar Hj. Akashah, Penolong Pendaftar Unit Kebajikan Pelajar Syahira bt. Mohd. Adnan dan wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Beliau mengucapkan terima kasih kepada UTeM diatas sumbangan tersebut dan berharap ianya dapat mengurangkan beban yang ditanggung bagi menanggung kos pembedahan tersebut.



## PASUKAN UTeM SERTAI LUMBA BASIKAL JELAJAH MALAYSIA

Pasukan lumba basikal Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang terdiri daripada 4 pelumba akan menyertai pertandingan lumba basikal jelajah Malaysia yang akan diadakan pada bulan Mac ini.

Menurut pengurus pasukan lumba basikal UTeM Ishak Mohd. Amin, pasukan yang telah dibentuk pada tahun lepas akan menimba pengalaman dari penyertaan pada kali pertama ini. Beliau yang juga bekas pelumba basikal kebangsaan dan sekarang menjawat jawatan sebagai pegawai sukan kanan di UTeM berkata, pasukan UTeM diwakili oleh tiga orang pelajar iaitu Gan Hock Seng dan Muhammad Syafiq Aqwa Othman dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Muhammad Amin Amiruddin dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan seorang kakitangan UTeM yang juga merupakan bekas pelumba kebangsaan Amirrudin Jamaludin. Pasukan ini telah dilatih dibawah bimbingan bekas pelumba kebangsaan Sayuti Zahid.

Pasukan lumba basikal ini telah menjalani latihan intensif kayuhan 1 Malaysia selama 9 hari bermula dari UTeM ke Kota Tinggi, Pekan, Kuantan, Kuala Terengganu, Kota Bharu, Grik, Pulau Pinang, Taiping, Cameron Highland, Kuala Kubu Baru dan kembali semula ke UTeM sejauh lebih seribu enam ratus kilometer bagi persediaan menghadapi kejohanan ini serta menambah jarak kayuhan disamping membiasakan pelumba dengan jarak sebenar pelumbaan nanti.

Menurut beliau lagi, UTeM telah dilantik oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk dijadikan sebagai salah sebuah pusat sukan tumpuan bagi sukan berbasikal untuk acara lebuhraya dan trek. Beliau mengharapkan agar pasukan ini akan memperoleh kejayaan yang membanggakan dan akan dapat turut serta dalam pelbagai kejohanan dalam dan luar negeri.

 *Kebahagiaan terletak pada kemenangan memerangi hawa nafsu dan menahan kehendak yang berlebih-lebihan. ( Imam Al-Ghazali ).*



# PDRM BERI *Taklimat* DAN *Dailog* PADA PEMIMPIN PELAJAR UTeM

Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan satu sesi taklimat dan dialog bersama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) di kampus induk kelmarin kepada lebih 40 orang pemimpin pelajar dan Presiden kelab serta persatuan yang ada di UTeM ini.

Taklimat bertajuk "Patriotisme dan Keselamatan Negara" telah disampaikan oleh ACP Haji Muhd. Ab. Rahman Haron, Ketua Cawangan Khas Negeri Melaka. Tujuan diadakan majlis ini adalah bagi menerangkan situasi semasa keselamatan Negara agar pelajar tidak terjebak kepada aktiviti yang tidak diingini. Antara yang disarankan oleh Haji Muhd Ab. Rahman agar para pelajar mempunyai semangat patriotisme yang tinggi dan mempunyai rasa tanggungjawab cintakan Negara. Dengan keadaan dunia tanpa sempadan beliau mengharapkan pelajar agar berwaspada terhadap ancaman-ancaman dari luar. Pelajar perlu ada pengorbanan dan berganding bahu untuk menjaga keamanan Negara. Beliau mengharapkan agar pelajar menghindari masalah sosial dan mahukan setiap kelab dan persatuan supaya mengaturkan aktiviti-aktiviti yang berfaedah supaya ada rasa tanggungjawab cintakan Negara. Beliau juga mahukan pelajar supaya rajin berusaha untuk mendapatkan kejayaan yang diharapkan. Turut diadakan juga sesi dialog antara pemimpin pelajar dan PDRM.

Turut hadir dalam majlis ini Ketua Penolong Pendaftar, Bahagian Pembangunan Pelajar Mohd. Nizam Mazlan dan Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM Ahmad Ibrahim Yazirruddin. Menurut Mohd. Nizam, program ini akan diadakan dari masa kesemasa supaya para pelajar mendapat input yang berguna mengenai keselamatan Negara.

# Pelajar UTeM menang di *sayembara puisi*



Empat orang pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengharumkan nama universiti dengan memenangi tempat keempat di kalangan 16 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPT yang mengambil bahagian dalam pertandingan Sayembara Puisi IPTA 2010 sempena kempen Kami Prihatin yang telah diadakan di Universiti Malaysia Pahang (UMP) baru-baru ini.

Dengan lagu "bayi kecil kudus" ciptaan Penolong Pegawai Kebudayaan UTeM Zaini Abbas, UTeM diwakili oleh Sulhi bin Mohammad (Vokal), Wan Muhammad Syafiq Bin Wan Zahidi (perkusi), Nur Adzera Mohd Kamaruzzaman (keyboard) dan Mohd Amsyar bin Abd. Malek (saxophone).

Hadiah berupa trofi telah disampaikan oleh Datin Seri Rosmah Mansor isteri Perdana Meneri Malaysia. Johan bagi pertandingan ini ialah dari Universiti Utara Malaysia (UUM), Naib Johan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan tempat ketiga dimenangi oleh Universiti Malaya (UM). Ketua juri dalam pertandingan ini ialah Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin.

# *Pesta Ponggal* 1 MALAYSIA UTeM MERIAH

Pesta Ponggal 1Malaysia Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) anjuran Kelab Kebudayaan dan Kesenian India berlangsung dengan meriah di perkarangan Dewan Besar, Kampus Induk UTeM kelmarin.

Menurut pengarah program Nalmi a/p Subramaniam antara objektif pesta ponggal ini diadakan adalah bagi mengetengahkan keistimewaan tradisi masyarakat India dan juga memupuk perpaduan diantara kaum-kaum yang terdapat di UTeM. Seramai 60 orang pelajar pelbagai kaum menyertai Pesta Ponggal ini yang dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk memasak.

Menurut Nalmi Pesta Ponggal bagi masyarakat India yang biasa diraikan pada pada pertengahan bulan Januari bagi merakamkan Uttarayan atau pergerakan matahari menuju ke utara. Seawal pagi penganut agama Hindu membuat persiapan untuk memasak Ponggal dalam periuk tanah liat. Susu dimasak hingga melimpah keluar yang membawa maksud bahawa kehidupan seseorang akan dilimpahi kemakmuran, kesejahteraan dan keamanan. Susu kemudian akan dicampur beras, gula merah, buah pelaga, badam, buah gajus, kismis dan minyak sapi.

Turut diadakan pertandingan membuat Kolam oleh pelajar UTeM. Ia sebagai tanda jemputan untuk menyambut Dewi Lakshmi, Dewi kemakmuran dalam rumah. Kolam yang berwarna digunakan sebagai hiasan dalam upacara perkahwinan, musim perayaan dan sebagai tanda menyambut tetamu seperti "Selamat Datang".

Turut serta menyaksikan Pesta Ponggal ini ialah Pegawai Kebudayaan UTeM Amir Ali dan pegawai dari Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA).







Dari 'Aisyah ra katanya: Rasulullah SAW bersabda:
"Orang yang paling dibenci Allah ialah orang yang suka bermusuh-musuhan." (Bukhari)



## Pesta Cahaya Utem Menarik Minat Pelajar

Pesta Cahaya UTeM 2011 anjuran Kelab Kebudayaan dan Kesenian India Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menarik minat hampir 1000 penonton yang diadakan di Dewan Besar, Kampus Induk UTeM kelmarin.

Majlis dirasmikan oleh Datuk R. Raghavan Pengerusi Persatuan Pendidikan India Negeri Melaka mewakili Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pengangkutan, Penerangan dan Pengguna YB Datuk R. Perumal. Turut hadir Amir Ali Pegawai Kebudayaan UTeM yang mewakili Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA).

Antara objektif pesta cahaya ini diadakan adalah memupuk integrasi dan perpaduan dikalangan warga universiti yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan kaum selaras dengan konsep 1 Malaysia, memperkenalkan kepelbagaian dalam kesenian dan kebudayaan bangsa India kepada para mahasiswa supaya mempunyai pemahaman yang lebih mendalam tentang budaya tersebut, mengetengahkan keistimewaan tradisi masyarakat India dan juga memupuk perpaduan diantara kaum-kaum yang terdapat di UTeM

Acara yang menarik perhatian penonton dan mendapat tepukan gemuruh ialah persembahan Gendang 1 Malaysia yang dijayakan oleh pelajar UTeM sendiri iaitu gabungan persembahan permainan gendang-gendang dari kaum Melayu, Cina dan India. Antara persembahan lain yang diadakan ialah Tarian 1 Malaysia, Tarian Borneo, Tarian Bharathanatyam, Tarian Kolattam, Tarian Bhangra serta tarian Klasikal India dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Turut diadakan nyanyian oleh pelajar UTeM dan cabutan bertuah.

Turut menghadiri Pesta Cahaya ini adalah pelajar-pelajar dari Universiti Kuala Lumpur, Universiti Multimedia, Politeknik Merlimau, Kolej Yayasan Melaka, Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP)

## BADAR ANJUR
### *Kursus Induksi Pimpinan (Kipdar)*

Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) UTeM bagi sesi 2010/2011 telah mengadakan Kursus Induksi Pimpinan BADAR(KIPDAR) di Bukit Baru, Melaka. KIPDAR merupakan program tahunan BADAR yang mana melalui program ini kami merangka strategi yang terbaik dalam meneruskan tanggungjawab yang telah diamanahkan daripada pimpinan sebelum ini supaya dapat melahirkan kesinambungan gerak kerja yang lebih teratur bagi mendepani gejala sosial yang berlaku dalam kalangan mahasiswa. Antara aktiviti yang kami adakan adalah seperti 'Ice-Breaking', perbincangan dan pembentangan analisis 'SWOT' setiap exco, perbincangan dan pembentangan visi, misi dan objektif BADAR serta pembentangan taqwim program BADAR oleh Yang Di Pertua BADAR sendiri iaitu saudara Abdul Rahman bin Idrus. Secara keseluruhannya, objektif utama kursus ini dapat dicapai iaitu menyediakan perancangan yang tersusun dan efektif bagi melakukan penambahbaikan untuk pimpinan BADAR kali ini dengan melihat kepada respon yang diberikan oleh peserta sepanjang kem ini berlangsung.





## SUKARELAWAN UTeM
### *Bantu Mangsa Banjir*

Seramai 50 mahasiswa dan kakitangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah sama-sama membantu mangsa-mangsa banjir di Kampung Jawa, Lenga Pagoh, Johor baru-baru ini.

Menurut Ketua Penolong Pendaftar, Unit Kebajikan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Syahira bt. Mohd. Adnan program ini adalah anjuran Majlis Sukarelawan Universiti Malaysia (MASKUM) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang melibatkan hampir 1200 pelajar dari 14 Institusi Pengajian Awam (IPTA) yang lain.

Sukarelawan UTeM tampil bagi membantu dalam membersih persekitaran kawasan berkenaan yang terjejas teruk akibat banjir besar yang melanda pada awal bulan lalu. Mereka membantu dan menjalankan kerja pembersihan di kawasan masjid, balai raya dan rumah penduduk kampung. Sukarelawan UTeM juga turut membantu membersih kawasan Sekolah Kebangsaan Kundang Ulu, Pagoh yang dipenuhi dengan lumpur dan sampah sarap. Mereka juga membersihkan peralatan-peralatan lain disekolah berkenaan yang terkena banjir.

Program khidmat komuniti yang pertama diadakan secara bersepadu oleh semua IPTA berkenaan diharap dapat meringankan beban penduduk bagi melakukan kerja-kerja pembersihan di kawasan mereka.

# Festival Musim Bunga
## UTeM Sempena Tahun Baru Cina Meriah



Festival Musim Bunga (Spring Festival) bersempena perayaan Tahun Baru Cina anjuran Kelab Kebudayaan dan Kesenian Cina dengan kerjasama Unit Kebudayaan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berlangsung dengan meriahnya di Dewan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) Bukit Beruang.

Majlis telah turut dihadiri oleh Pegawai Kebudayaan UTeM Amir Ali, pegawai-pegawai HEPA dan lebih 300 tetamu jemputan dan masyarakat sekeliling serta pelajar jemputan dari pusat pengajian tinggi yang berhampiran.

Objektif program ini diadakan ialah bagi memupuk semangat 1 Malaysia dan mengeratkan hubungan antara mahasiswa UTeM, memperkenalkan kebudayaan Cina kepada kaum lain supaya dapat menambahkan pemahaman tentang budaya ini dan memupuk perpaduan di kalangan mahasiswa UTeM yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan kaum.

Antara yang menarik perhatian penonton ialah Expo Kebudayaan, Persembahan Gendang 24 Musim, Persembahan Tarian Singa, Tarian Tradisional Kebudayaan Cina serta tarian dari pelajar Universiti Multimedia. Turut diadakan acara cabutan bertuah kepada para penonton yang hadir.
Manakala sebelah petangnya turut diadakan pertandingan kaligrafi, jualan-jualan amal serta pertandingan sukan rakyat di perkarangan dewan tersebut.

## BADAR anjur "Back To Sunnah Episode 2: CAMP"



Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) UTeM bagi sesi 2010/2011 melalui Exco Sukan dan Rekreasi telah berjaya melaksanakan program "Back To Sunnah Episode 2: CAMP" iaitu program yang mengaplikasikan Sunnah Rasulullah s.a.w. Kem ini berkonsepkan aktiviti sukan kontemporari iaitu berkuda, memanah dan berenang. Peserta diajar dan dilatih dengan asas-asas teknik berenang, memanah dan berkuda serta mereka juga di bekalkan dengan pengisian rohani dan moral. Objektif kem ini adalah untuk memartabatkan sunnah Rasulullah S.A.W dalam arena sukan berbentuk fizikal dan rohani, memupuk semangat kesukanan dalam diri peserta serta memberi pendedahan pada peserta mengenai cara bersukan dalam Islam dan kepentingan sukan untuk kesihatan diri. Elemen atau unsur kemahiran dalam sukan yang dipilih ini juga dapat diaplikasikan dalam menghadapi cabaran hidup sebagai mahasiswa. Program ini mendapat sambutan hangat apabila apabila target peserta seramai 70 orang dapat dicapai dalam jangka masa yang singkat. Diharap program-program bercirikan Islam seperti ini akan terus mendapat sokongan dan sambutan daripada semua pihak.



## TEATER TRADISIONAL CINA
### ANJURAN UTeM BERJAYA

Teater tradisional Cina bertajuk "Pengembaraan Xian Feng" telah berjaya dipentaskan di Dewan Besar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sempena karnival "Spring Festival" kelmarin. Seramai hampir 150 orang pelakon dan krew yang terdiri dari pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka terlibat dalam teater yang terbesar di Melaka ini.
Majlis dirasmikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka Datuk Wira Hj. Omar Kaseh yang juga ahli lembaga pengarah UTeM mewakili Ketua Menteri Melaka Datuk Mohd. Ali Rustam. Turut hadir Ketua Timbalan Pendaftar Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Zainudin Ahmad, Pegawai Kebudayaan UTeM Amir Ali, Pengarah Program Chang Ling Kwai, pegawai-pegawai HEPA serta lebih 1500 orang pelajar dan jemputan dari masyarakat luar. Tidak ketinggalan jgua pelajar-pelajar dari Universiti Multimedia (MMU), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) dan Universiti Malaya (UM).
Teater ini adalah anjuran Kelab Kebudayaan dan Kesenian Cina UTeM dengan kerjasama Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dan Gerakan Belia Bersatu Negeri Melaka. Teater diarahkan oleh Tammy Yee Chow Peng dari TEA Teater Kuala Lumpur dan dibantu oleh beberapa orang jurulatih profesional termasuk jurulatih wushu. Ia mengisahkan Maharaja Xian Feng yang tidak berkebolehan dan lemah telah mencuri keluar dari istana. Kebetulan pada masa tersebut perayaan Tahun Baru Cina sedang berlangsung. Tetapi malangnya, di dalam perjalanan pengembaraan baginda, banyak kisah dan pengalaman yang baginda tempohi.
Antara persembahan lain yang turut diadakan pada malam tersebut ialah tarian naga, tarian singa, tarian tradisional Cina, permainan silap mata, persembahan gendang, dan persembahan alat muzik tradisional

## Kelab Rakan 1 MALAYSIA UTeM DILANCAR



Kelab Rakan 1 Malaysia Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah dilancarkan secara rasminya oleh Ketua Timbalan Pendaftar Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Zainudin Ahmad mewakili Dekan HEPA Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman di Bangunan Pusat Persatuan Pelajar, kampus induk Durian Tunggal.Turut hadir didalam majlis ini ialah penasihat kelab Mohd. Yaszli Mohamed Rahis dan Presiden Kelab Mohamad Safwan Abd. Malik.
Menurut Mohamad Safwan, objektif penubuhan kelab ini ialah sebagai medium kepada pelajar UTeM bagi memahami konsep gagasan 1Malaysia, membina hubungan erat antara Kelab Rakan 1Malaysia dengan kelab-kelab yang lain agar jaringan pintar dapat diketengahkan dalam penganjuran program pada masa hadapan, menambahkan rasa cinta di dalam diri pelajar kepada wawasan Negara.
Kelab ini terbuka kepada semua warga UTeM dan akan menganjurkan pelbagai aktiviti bagi mengeratkan perpaduan antara kaum didalam universiti. Dengan adanya kelab ini pelajar diharap akan dapat membina hubungan baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif untuk mencapai objektif yang sama dan juga memberi lebih kefahaman berkenaan konsep idea gagasan 1Malaysia.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA


Dari Abu Hurairah r.a., katanya Rasulullah SAW bersabda:
"Apabila datang bulan Ramadhan, dibukakan semua pintu syurga." [Bukhari]



## PELAJAR UTeM ADAKAN PROGRAM PERTUKARAN BUDAYA DAN LAWATAN ILMIAH DENGAN UDINUS

Seramai 24 orang terdiri daripada pelajar dan kakitangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang diketuai oleh Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman telah mengadakan program pertukaran budaya dan lawatan ilmiah ke Universitas Dian Nuswantoro (UDINUS), Semarang, Indonesia baru-baru ini. Turut serta dalam rombongan ini ialah Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) Prof. Madya Dr. Zulkifilie Ibrahim dan Ketua Timbalan Pendaftar HEPA Zainudin Ahmad.

Menurut Prof. Marizan, objektif program ini adalah bagi mewujudkan hubungan dua hala antara UTeM dan UDINUS disamping dapat bertukar ilmu pengetahuan dalam bidang akademik serta member pendedahan dalam seni persembahan dan seni budaya Negara masing-masing, memperkenalkan UTeM diperingkat antarabangsa di dalam usaha mencapai visi UTeM, memberi pendedahan dan pengalaman yang luas kepada mahasiswa di peringkat antarabangsa dan sebagai usaha HEPA untuk mengadakan hubungan dua hala UTeM dan UDINUS melalui kesenian, kebudayaan dan warisan.

Rombongan UTeM telah dibawa ke beberapa fakulti yang terdapat di UDINUS manakala pada sebelah malamnya pula diadakan
persembahan kebudayaan antara kedua-dua universiti yang berlangsung dengan meriahnya. Pelajar UTeM telah mempersembahkan drama tari bertajuk "Rumpun Negara Satu Malaysia" yang menggambarkan Malaysia mempunyai berbagai etnik yang selalu menjaga persahabatan, kedamaian dan kerukunan meskipun berbeza agama dan budaya. Turut hadir di malam kebudayaan tersebut ialah Rektor UDINUS Dr. Edi Noersasongko.

Dengan adanya program seperti ini Prof. Marizan berharap pelajar UTeM dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi untuk lebih berkeyakinan dan berketerampilan, meningkatkan taham pemikiran terbuka dan kritis tentang satu permasalahan disamping mengadakan jalinan akademik degnan penggiat seni dengan Negara luar.

UTeM
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## PELAJAR UTeM SERTAI *Karnival Inovasi Dan Kerjaya* SEKOLAH INTEGRASI SELANDAR

Seramai 17 orang pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka, (UTeM) yang terdiri daripada 6 orang ahli Majlis Perwakilan Pelajar UTeM dan 11 orang daripada wakil fakulti terlibat dalam menjayakan program karnival inovasi dan kerjaya di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Selandar (SBPI).

Menurut Timbalan Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Noor Muhammad Jamalluddin, penyertaan pelajar ini adalah untuk mempamerkan bahan-bahan inovasi dan projek pelajar UTeM bagi menambah ilmu dan meningkatkan daya kreativiti kepada pelajar-pelajar sekolah berkenaan. Selain itu bagi mempromosi UTeM sebagai salah satu IPTA yang berteraskan teknikal yang unggul dinegara ini.

Pelajar-pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) turut menerangkan peluang-peluang kerjaya yang boleh dilalui selepas tamat belajar dan juga mendengar pengalaman mereka semasa belajar di UTeM untuk dijadikan teladan. Turut mengambil bahagian di dalam karnival ini ialah beberapa wakil dari IPT lain dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Pameran inovasi dan gerai jualan turut diadakan oleh pelajar-pelajar sekolah tersebut.

Majlis perasmian karnival ini telah disempurnakan oleh pengetua SBPI, Karim Bayok. Turut hadir guru-guru dan wakil IPT yang mengambil bahagian.





## *Program* Lailatul Mahabbah Tingkatkan Pengetahuan Kehidupan *Rasulullah*

Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) UTeM bagi sesi 2010/2011 melalui Exco Kepimpinan dan Dakwah BADAR telah mengadakan program Lailatul Mahabbah dan berlangsung selama empat jam di perkarangan masjid UTeM. Bermula dengan solat maghrib berjemaah, peserta kemudian disediakan dengan ceramah mengenai kehidupan Rasulullah s.a.w yang mana kita perlu mencontohi akhlak baginda dalam menjalani kehidupan sebagai hamba Allah s.w.t. Program yang diadakan dengan kerjasama dari Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) ini diadakan dengan tujuan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa tentang sirah Rasul junjungan. Selain itu, kami juga mewujudkan rasa kemesraan dan kekeluargaan dalam kalangan ahli BADAR, bukan ahli BADAR dan staf-staf UTeM. Program ini mendapat sambutan hangat apabila melihat kepada jumlah peserta yang ramai sebelum program bermula lagi. Diharap program-program bercirikan Islam seperti ini akan terus mendapat sokongan dan sambutan daripada semua pihak.





## HEPA ANJUR KURSUS PENGURUSAN
### *Organisasi Kepada Pemimpin Pelajar*

Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan kursus pengurusan organisasi kepada 40 orang pemimpin-pemimpin pelajar di kompleks Falak Al Khawarizmi, Tanjung Bidara Melaka kelmarin.

Menurut Ketua Penolong Pendaftar HEPA Mohd. Nizam Mazlan, mereka ini terdiri daripada pemimpin Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan wakil kelab dan persatuan yang ada di UTeM. Katanya lagi, program ini diadakan bertujuan memberi penjelasan semula tentang visi, misi, objektif penubuhan dan hala tuju MPP, menerangkan peranan semua peringkat ahli kumpulan, terutama dalam urusan pentadbiran serta pengurusan kewangan, memberi pendedahan berkaitan kaedah mengendali mesyuarat,penulisan minit, serta pengurusan kewangan yang betul, menerangkan kaedah dan prosedur dalam menganjurkan sesuatu program, serta kesilapan yang sering berlaku, semasa dan selepas penganjuran dan menjelaskankan kepentingan hubungan dan komunikasi berkesan selain meningkatkan kemahiran mahasiswa dalam menyelesaikan masalah.




Antara yang memberi ceramah ialah Dekan HEPA Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman dan Ketua Timbalan Pendaftar HEPA Zainudin Ahmad mengenai "Tatacara Pengurusan Fail dan Persuratan Rasmi". Turut diadakan ceramah mengenai prosedur penganjuran dan penyertaan program dan pengurusan kewangan dan pertandingan "paintball" bagi menguji ketahanan fizikal dan minda serta kerjasama peserta.

Dengan adanya kursus ini diharapkan mahasiswa dapat melahirkan pemimpin organisasi yang cemerlang, sekaligus mencorak mahasiswa peneraju kepimpinan Negara, membentuk golongan pemimpin yang mampu berkomunikasi secara berkesan dan memupuk semangat kerjasama sesama ahli kumpulan

## *Badar Dan Jaim Anjur Seminar Pemantapan Aqidah (Spa-q)*

Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) dengan kerjasama Unit Integriti & Sahsiah Pelajar dan Badan Beruniform, HEPA dan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) telah menganjurkan seminar Pemantapan Aqidah di Auditorium Canselori, kampus induk Durian Tunggal dengan tema " Pemantapan Aqidah yang berlandaskan Al_Quran dan As-Sunah".

Menurut Pengarah Program Zahirul Basri Idrus, seminar ini diadakan bertujuan bagi meningkatkan kefahaman serta penghayatan kepada warga mahasiswa mengenai pegangan yang sebenar iaitu pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah, meningkatkan semangat warga universiti untuk kembali mempertahankan aqidah sebenar dan menghayatinya dalam kehidupan sebagai seorang Islam dan melahirkan mahasiswa yang cemerlang dari segi akademik dan gemilang dari segi rohani serta terbilang dari segi jasmani.

Antara yang memberi ceramah ialah Ustaz Eizzul A'la Bajuri dari Bahagian Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Ustaz Sharom Maarof dari Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Selangor. Moderator sesi ceramah pula ialah Hj. Rahimin Bani dari Bahagian Penguatkuasaan JAIM.

Majlis penutupan perasmian disempurnakan oleh Datuk Hj. Ghazalee Mohamed Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Negeri Hal Ehwal Agama Negeri Melaka, Turut hadir Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka Hj. Mohd. Zin Mansor dan Yang DiPertua BADAR Abdul Rahman Idrus. Didalam ucapannya Hj. Ghazalee mengingatkan pelajar supaya tidak terpesong dari aqidah Ahli Sunah Wal Jama'ah dan sentiasa merujuk kepada pakar-pakar agama bagi mendapatkan sesuatu penjelasan yang berkaitan dengan agama. Remaja masa kini adalah pemimpin Negara dimasa hadapan dan mereka perlu bersedia mempertahankan aqidah yang suci ini supaya tidak hancur dan dipermainkan terutama oleh musuh-musuh Islam katanya lagi.

## *Pelajar UTeM Berbakti Di Serkam*

Seramai 30 orang mahasiswa dari pelbagai fakulti Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan program bakti siswa di Kampong Sempang, Serkam bersempena Ulangtahun yang ke 65 RTM.



Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Serkam Datuk Ghazale Mohamed yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pengangkutan, Penerangan, Perpaduan dan Pengguna.

Mahasiswa UTeM bersama-sama penduduk kampong bergotong royong mengecat dan membersihkan kawasan masjid serta turut membuat kunjungan ke dua buah rumah penduduk yang kurang bernasib baik bersama-sama dj dan krew Melaka FM yang telah memberikan wang tunai serta barang-barang keperluan harian.

Turut diadakan, program motivasi kepada 4 buah sekolah menengah sekitar DUN Serkam yang diadakan di dataran masjid Kampung Sempang oleh Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTeM.

Pada sebelah malamnya mahasiswa UTeM turut sama penduduk kampong mengadakan solah Mahgrib dan Isyak berjemaah dan mendengar ceramah agama dari penceramah jemputan dan seterusnya bersama menyambut sambutan Maulidur Rasul di masjid kampong tersebut.





# PERLAWANAN BOWLING ERATKAN KERJASAMA

Seramai 200 orang mahasiswa dari pelbagai persatuan dan kelab Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan perlawanan bowling sempena program " Jom Bowling" anjuran Kelab Bowling UTeM dan Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS) UTeM di Melaka International Bowling Centre (MIBC).

Menurut pengarah program Muhammad Hasif Saidin, pertandingan ini diadakan bertujuan memperkenalkan barisan kepimpinan Kelab Bowling UTeM dan PRS kepada ahli kelab dan persatuan yang lain, mengukuhkan lagi hubungan antara kelab dan persatuan di UTeM, memupuk semangat berpasukan dalam menjayakan semua aktiviti kelab dan membentuk semangat kerjasama antara kelab dan persatuan di UTeM. Menurutnya lagi kelab Bowling UTeM telah ditubuhkan pada bulan Jun 2008 pertandingan ini adalah merupakan aktiviti kelab tersebut selain mengadakan klinik bowling kepada pelajar yang berminat. Ini bertujuan bagi mencungkil bakat-bakat baru dikalangan pelajar UTeM untuk diketengahkan di dalam pertandingan peringkat universiti dan kebangsaan.

Majis perasmian telah disempurnakan oleh Ketua Penolong Pendaftar Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Mohd. Nizam Mazlan yang mewakili Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman Dekan HEPA. Pasukan kakitangan HEPA juga turut dijemput sebagai pasukan jemputan di pertandingan ini.

Pasukan dari Kelab Badminton UTeM telah dinobatkan sebagai johan, manakala pasukan Persatuan pelajar Fakulti Kejuruteraan Pembuatan tempat kedua dan pasukan kelab Bowling UTeM 1 mendapat tempat ketiga. Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Mohd. Nizam Mazlan.

# BADAR ANJUR *Kursus Perkahwinan*



Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) UTeM bagi sesi 2010/2011 melalui Exco Hal Ehwal Siswi (HEWI) BADAR telah mengadakan Kursus Pra Perkahwinan (KPP) yang berlangsung selama dua hari di Dewan Canselori UTeM. KPP yang diadakan dengan kerjasama dari Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) ini program yang pertama kali dianjurkan oleh Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) UTeM. Program sebegini antara program yang biasa dianjurkan oleh Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Awam Swasta (IPTS). Tujuan utama KPP ini dianjurkan adalah untuk memberi pendedahan awal kepada warga UTeM tentang alam perkahwinan dimana fasa tersebut bakal dilalui oleh semua mahasiswa selepas tamat pengajian. Secara tidak langsung, program ini memberikan impak yang positif dalam usaha membentuk sahsiah warga UTeM yang cemerlang dalam semua aspek. Program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan apabila penyertaan untuk kursus ini dipenuhi dalam jangka masa yang singkat. Diharap program-program bercirikan Islam seperti ini akan terus mendapat sokongan dan sambutan daripada semua pihak.

# Kaedah *"Art Therapy"* Selami Perasaan Pelajar



Bidang seni bukan hanya dinikmati oleh pencintanya tetapi juga boleh digunakan oleh kaunselor, doktor serta pakar psikologi dalam menyelami perasaan para klien atau pelajar melalui kaedah "art therapy".

Menurut Pegawai Psikologi, Unit Kaunseling Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Hadibah Tahir, "Art Therapy" merupakan terapi luahan melalui lukisan, tarian dan drama bagi mendiognis masalah klien/pelajar. Cara ini dapat membantu kaunselor,doktor dan pakar psikologi mengenalpasti masalah klien dan dapat memberikan rawatan yang tepat terutama bagi klien yang tidak mampu meluahkan masalah atau menceritakan sesuatu peristiwa yang menyakitkan hati mereka.

Kaedah terapi ini juga dapat membantu merangsang minda kreatif klien malah sekaligus menonjolkan personaliti sebenar dalam diri mereka melalui hasil ciptaan mereka sendiri. Selain membantu klien meluahkan perasaan, kaedah ini juga secara perlahan dapat membantu pesakit mental mengawal fikiran mereka yang berkecamuk katanya lagi.

Unit Kaunseling Pelajar telah mengambil inisiatif untuk membantu pelajar yang memerlukan terapi ini dalam proses meluahkan perasaan yang dipendam di hati. Seramai 30 orang pelajar UTeM telah hadir dalam menjalani kaedah "Art Therapy" yang diadakan di Pusat Persatuan Pelajar UTeM, baru-baru ini. Antara objektif program ini juga ialah untuk membantu pelajar kearah pertumbuhan dan perkembangan psikologikal dan mencapai kesejahteraan dan dalam masa yang sama memperoleh keseimbangan kesihatan mental.

# UTeM TEMPAT TUMPUAN SEKOLAH



Kelab Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) dan Unit Kaunseling Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) serta Sekolah Menengah Kebangsaan Machang Bubuk (SMKMB) , Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang telah menganjurkan Kursus Kepimpinan Pengawas dan Pengawas Pusat Sumber Sekolah di UTeM.

Menurut Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid Zahida Musa, program yang pertama kali diadakan ini di luar sekolah dihadiri oleh seramai 117 pelajar dan 12 orang guru pengiring dihadiri oleh Pengawas dan Pengawas Pusat Sumber Sekolah dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima. Antara tujuan program ini diadakan di UTeM kerana bagi memberi pendedahan kepada pelajar mengenai aspek kepimpinan dan seterusnya mendapat bimbingan yang berguna dari fasilitator yang terdiri dari pelajar UTeM sendiri. Mereka dapat merasa sendiri mengenai kepentingan pelajaran sehingga keperingkat tinggi. Disamping itu, UTeM juga sebagai universiti teknikal pertama di Malaysia yang menjurus kepada kejuruteraan akan dapat memotivasikan pelajar SMKMB dalam meminati bidang ini selain pelajar dapat merasa sendiri kehidupan di kampus dengan turut menginap di asrama UTeM.

Antara program yang dijalankan bersama fasilitator pelajar UTeM yang seramai 20 orang ini ialah Latihan Dalam Kumpulan (LDK), Kembara, lawatan ke sekitar kampus dan juga dibawa melawat ke tempat-tempat pelancongan di bandaraya Melaka.

Majlis penutupan program ini telah disempurnakan oleh Hadibah Tahir Pegawai Psikologi UTeM yang mewakili Dekan HEPA Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman. Turut hadir Pegawai Pendidikan Jabatan Pelajaran Pulau Pinang Fuaad Mohd Khir.

# UTeM TERAPKAN *Asas Keusahawanan* KEPADA SISWA

Unit Keusahawanan, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, (HEPA), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri telah menganjurkan kursus Kursus Asas Keusahawanan Mahasiswa di salah sebuah hotel terkemuka di Port Dickson, Negeri Sembilan yang berakhir kelmarin. Kursus yang hadiri oleh seramai 65 orang mahasiswa UTeM dari pelbagai fakulti.



Menurut Penolong Pendaftar, Unit Keusahawanan Zainudin Hamid berkata, antara objektif kursus ini ialah bagi menyemai nilai dan budaya keusahawanan di kalangan mahasiswa, mewujudkan usahawan yang berwibawa dan berilmu daripada kalangan bakal siswazah, memberi pendedahan dan pengetahuan mengenai pengurusan organisasi perniagaan dan keperluan untuk menjalankan perniagaan, memberi pendedahan mengenai potensi dan peluang yang ada dalan bidang perniagaan dan memberi kesedaran kepada para pelajar untuk menjadikan keusawahan sebagai kerjaya pilihan apabila tamat pengajian nanti.

Antara penceramah di kursus ini ialah dari Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Majlis Amanah Rakyat (MARA), SME Bank, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Pensyarah dari Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan UTeM dan Alumni UTeM yang berjaya dalam bidang keusahawanan. Menurutnya lagi, INSKEN telah memperkenalkan program Kursus Asas Keusahawanan Siswa untuk bakal siswazah di IPTA dan ianya bermula di UTeM sejak pada tahun 2004 lagi.
Beliau mengharapkan dengan adanya kursus ini mahasiswa dapat membangunkan potensi diri dan pemikiran bisnes dalam membangkitkan bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan, mendapat pendedahan daripada agensi berkaitan pinjaman modal, bantuan teknikal dan bimbingan dari INSKEN, PNS, PUNB dan SME Bank.

# BADAR BERBAKTI DI MUAR

Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) UTeM bagi sesi 2010/2011 melalui Exco Kebajikan dan Akademik BADAR telah mengadakan program Semarak Minda ke Sekolah Rendah Kebangsaan Liang Batu, Muar, Johor. Baru-baru ini, pada 28 Mei 2011 BADAR telah dijemput bagi mengadakan program motivasi untuk murid-murid Tahun Enam di Sekolah Rendah Liang Batu dan juga dari beberapa buah sekolah rendah yang berdekatan. BADAR telah menghantar seramai 10 orang wakil untuk menjadi fasilitator bagi program motivasi ini. Beberapa modul telah kami sediakan untuk mereka melakukan aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK). Program Semarak Minda ini bertujuan untuk membantu para pelajar mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka. Selain itu, program ini juga sebagai satu persediaan untuk menghadapi peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).





## KETUA MENTERI MELAKA

### *Berdailog Bersama Mahasiswa UTeM*

Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd. Ali Muhd. Rustam telah turut sama beramah mesra dan mengadakan dialog bersama seramai 40 orang mahasiswa Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM dalam Program Kem Pemantapan Jati Diri yang diadakan di Samudera Bidara Resort di Tanjung Bidara, Masjid Tanah kelmarin. Turut hadir di dalam majlis tersebut Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), HEPA, Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman, Ketua Timbalan Pendaftar Pejabat HEPA Zainudin Ahmad dan pegawai-pegawai dari Pejabat HEPA.

Menurut Pengarah Program, Muhammad Thoriq Mohamad Zaid, program yang dianjurkan oleh Pejabat HEPA dan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) ini diadakan bertujuan untuk melatih dan memupuk jati diri yang unggul dalam diri pelajar UTeM, khususnya dalam membentuk jiwa pelajar yang kental dan bersahsiah murni. Program ini juga untuk melatih pelajar dengan kemahiran komunikasi dan berkeyakinan dalam pengucapan awam dan interaksi yang berkesan dalam usaha melahirkan graduan yang kompeten dan berdaya saing.

Antara program yang diatur ialah aktiviti Latihan Dalam Kumpulan, ceramah dari Biro Tata Negara, aktiviti luar seperti regangan pagi dan permainan paintball, simulasi serta sesi refleksi bersama urusetia.
Adalah diharapkan dengan adanya program ini akan dapat melatih pelajar-pelajar dengan nilai kepimpinan dan melahirkan pemimpin mahasiswa yang kritis dan dinamik, menerapkan semangat kerjasama dalam satu pasukan dan mempunyai kemahiran komunikasi dan interaksi y ang berkesan dalam perhubungan awam.

## UTeM TERIMA *Pelajar Baru* DIPLOMA













Seramai 512 pelajar baru program diploma Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah melapor diri semasa sesi pendaftaran yang telah diadakan di dewan besar kampus induk Durian Tunggal, Melaka.
Menurut Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTeM Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman semasa memberi taklimat kepada pelajar baru, 98 pelajar untuk Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), 116 pelajar untuk Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), 83 bagi Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), 119 untuk Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dan 96 untuk pelajar Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) telah mendaftar sehingga tutup masa pendaftaran. Menurutnya lagi ,proses pendaftaran tersebut berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah yang besar. Didalam ucapannya,beliau mengingatkan pelajar baru supaya mula belajar berdikari kerana telah melangkah ke alam pendidikan yang lebih tinggi iaitu peringkat universiti. Beliau juga mahukan pelajar berkebolehan dalam pelbagai bidang dengan turut menyertai kelab dan persatuan yang ada di UTeM ini. Dengan adanya menyertai persatuan dan mengikuti pelbagai program pelajar akan dapat nilaitambah dalam penglibatan mereka dan dapat merasa keseronokan selain dari mentelaah pelajaran.
Rata-rata ibubapa yang ditemua berasa kagum dengan keindahan dan kemudahan yang disediakan oleh UTeM untuk pelajar baru tersebut. Taklimat kepada ibubapa juga turut diadakan yang telah disampaikan oleh Prof. Madya Abdul Rani Othman, Dekan FKEKK.

Para pelajar ini juga akan mengharungi Minggu Haluan Siswa (MHS) bermula dari 29 Mei hingga 3 Jun.. Pelbagai program telah diatur antaranya ceramah motivasi bersama Angkasawan Negara Sheikh Muzaffar Mansor, ceramah dari Agensti Anti Dadah Kebangsaan (AADK), ceramah integrity, ceramah PTPTN, ceramah keusahawanan dan sesi bersama fakulti.



## AHMAD SAUFI DILANTIK SEBAGAI YDP MPP UTeM

Pelajar tahun 2 Diploma Teknologi Maklumat dan Komunikasi Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Ahmad Saufi Ahmad Jawahir telah dilantik sebagai Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM yang baru bagi sesi 2010/2011.

Majlis penyerahan watikah pelantikan kepada MPP tersebut telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan di Auditorium Canselori kampus induk Durian Tunggal kelmarin. Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik danAntarabangsa) Datuk Prof. Dr. Mohd. Nor Hussain, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai HEPA dan mantan MPP sesi 2009/2010. Turut diadakan juga penyampaian sijil penghargaan kepada MPP sesi 2009/2010.

Menurut Prof. Marizan, antara objektif majlis ini ialah bagi meraikan pelantikan para pelajar yang telah dipilih sebagai MPP UTeM sesi 2010/2011 yang baru, memperkenalkan barisan kepimpinan baru MPP UTeM kepada pihak pengurusan universiti serta mengeratkan silaturahim antara barisan kepimpinan baru dengan pengurusan universiti.
Menurut beliau lagi pemilihan MPP telah diadakan pada 21 Februari yang lepas dan sebanyak 27 kerusi telah dipertandingkan pada pemilihan tersebut. Seramai 7128 pelajar UTeM layak mengundi dengan pelajar yang keluar mengundi adalah 4841 dengan peratusan sebanyak 67.92%. Proses pengundian telah berjalan dengan lancar dengan menggunakan kaedah e-voting.



Sementara itu dalam ucapannya, Naib Canselor mahukan MPP memainkan peranan utama untuk menjadi penghubung antara pelajar dan pihak pengurusan universiti serta diharap dapat melaksanakan tugas dan amanah yang telah diberikan sebaik mungkin. Justeru itu kepercayaan dan mandat perlu digalas dengan penuh tanggungjawab, ikhlas, jujur dan berintergriti.

## PELAJAR UTEM SERTAI AKTIVITI SKUBA DI TERENGGANU

Seramai 5 orang pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka, (UTeM) telah menyertai Program Pembangunan Sahsiah Selam Skuba anjuran Pusat Kokurikulum Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertempat di Pusat Penyelidikan UMT, Pulau Bidong, Kuala Terengganu.

Menurut Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM Ahmad Saufi Ahmad Jawahir yang mengikuti program tersebut, terdapat tiga siri kumpulan yang menyertai program ini dimana kursus untuk lesen skuba dipelajari sepanjang tempoh ini. Pelbagai teknik telah dipelajari oleh para peserta antaranya ialah *compass navigation, free desend, back roll entry, safety stop, tired diver toe, equalize, regulator clear and recovery* dan sebagainya. *Menurut salah seorang* tenaga pengajar, Mohd Nazim Bin Nasir, yang juga Pembantu Belia dan Sukan UMT, berasa berbesar hati dengan para peserta yang telah memberikan komitmen yang padu dan berjaya melalui latihan dan ujian dengan begitu baik sekali dimana semua peserta telah lulus untuk memperolehi lesen selam skuba.

Sementara itu, pelajar UTeM Noor Shazwani Najwa Drahim, berkata pada pertama kali mempelajari aktiviti selam skuba ini terasa amat sukar, namun setelah menjalani beberapa latihan beliau sudah mampu melakukannya dengan lebih baik dan menyatakan keseronokan melakukan aktiviti ini di samping dapat menikmati keindahan alam dasar laut.

Usaha yang dijalankan oleh pihak UMT dengan menawarkan kursus lesen skuba amatlah dihargai dalam memperluaskan ilmu pengetahuan para pelajar tentang alam laut di samping dapat meningkatkan kesedaran tentang kebersihan alam sekitar. Selain itu, UMT turut juga menawarkan harga lesen skuba yang lebih rendah iaitu RM250 berbanding harga luar mencecah RM1000 dan ke atas.

Selain UTeM, universiti lain yang turut serta pada program ini ialah dari UMT sendiri, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

## MPP HADIRI MAJLIS RAMAH TAMAH BERSAMA MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

Satu program ramah mesra bersama Menteri Pengajian Tinggi, YB. Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin telah diadakan di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Seramai 14 orang ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM telah mewakili barisan MPP UTeM seluruhnya yang diketuai oleh YDP MPP, saudara Ahmad Saufi bin Ahmad Jawahir ke Majlis Ramah Mesra tersebut. Tambahan pula, majlis ini disertai oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) IPTA seluruh Malaysia. Antara objektif majlis tersebut ialah dapat mengumpulkan wakil-wakil MPP dari seluruh Malaysia untuk mendengar ucapandan amanat Dato' Seri Khaled Nordin. Di samping itu, MPP seluruh IPTA dapat bertukar-tukar pendapat, pengalaman serta idea dalam menerajui barisan kepimpininan MPP. Selain itu, majlis ramah mesra ini juga dapat mengeratkan lagi silaturahim antara semua MPP.
Seterusnya, seluruh MPP dijemput untuk menjamu selera sambil mendengar amanat daripada YB. Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin. Di samping itu, majlis ini dimeriahkan lagi dengan pelbagai persembahan-persembahan yang menarik daripada pelbagai universiti.





# UTeM BEBAS ASAP ROKOK



Program UTeM Bebas Asap Rokok dianjurkan bersama oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Jabatan Kesihatan Negeri Melaka serta kerjasama Exco Kebajikan & Kesukarelawanan (MPP) UTeM. Turut diadakan forum "Dalam Nikmat ada Derita" disampaikan oleh panel-panel jemputan. Seterusnya,majlis perasmian disempurnakan oleh Y.Bhg Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan,Naib Canselor UTeM dan gimik pelancaran berjalan dengan lancar dengan kerjasama Exco Kebudayaan dan Hubungan etnik MPP. Manakala program 10, 000 steps Smoke Free (Terbuka) pula disertai oleh 70 orang pelajar. Tambahan pula,slot Smoke Free Slow (Klinik Berhenti Merokok) dijalankan oleh Dr. Ariana(JKN). Selain itu, turut diadakan pertandingan kuiz untuk para pelajar bagi memeriahkan program ini. Green Rehabilitation turut dijayakan oleh Dekan Hepa semasa Majlis Penutup dan penyampaian hadiah bagi para pemenang.

# PELAJAR UTEM SERTAI PERHIMPUNAN SEJUTA BELIA

Seramai 20 pelajar UTeM turut menghadiri Himpunan 1 Juta Belia yang telah diadakan di Presint 4 dan sekitar Putrajaya. Pelbagai aktiviti telah diadakan.Selain menyokong saranan YAB Perdana Menteri Malaysia untuk menjadikan Putrajaya sebagai Bandar Mesra Belia, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) juga menyokong saranan beliau untuk mengumpul 1 juta Belia sempena Hari Belia Negara 2011 (HBN 2011). HBN bermatlamat untuk menyemarakkan penglibatan golongan belia dengan meningkatkan komitmen sarta sumbangan bella pembangunan belia, mewujudkan belia yang berilmu dan bermaklumat dengan memperbaharui ikrar dan ke arah pembangunan diri dan negara, memberi kesedaran kepada golongan belia bahawa kerajaan sentiasa mengambil berat tentang peranan belia dl dalam membangunkan Negara.

# Lawatan Ilmiah Pelajar UTeM KE SONGKHLA THAILAND BERJAYA

Lawatan ilmiah oleh 20 orang pelajar yang terdiri dari ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan wakil-wakil kelab dan persatuan dan 10 kakitangan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ke Prince of Songkhla Universiti (PSU) dan Rajamangala University of Technology Srivijaya (RMUT), Songkhla, Thailand dari 29 Jun hingga 2 Julai ini telah mencapai objektifnya dengan pelbagai aktiviti akan dirancang bagi mengeratkan lagi persefahaman dan pertukaran budaya.

Menurut Prof. Marizan lagi, objektif program ini ialah bagi mengeratkan lagi hubungan dengan kedua-dua universiti yang terpilih khususnya di antara kedua-dua institusi pengajian ini, ianya juga akan menjadi perintis ke arah membuka ruang lebih luas untuk ketiga-tiga universiti di dalam menjayakan sebarang program berbentuk kerjasama pada masa akan datang, mewujudkan hubungan tiga hala antara UTeM, PSU dan RMUT dengan penekanan sistem pembelajaran dan persekitaran perlaksanaan persatuan dan akhirnya memperkenalkan UTeM ke peringkat antarabangsa di dalam usaha mencapai visi menjadikan UTeM sebuah universiti bertaraf dunia.



*Lawatan Ilmiah Pelajar*
**UTeM KE SONGKHLA THAILAND BERJAYA**

# Pelajar UTeM MENABUR BAKTI DI PASIR GUDANG, JOHOR

Suasana pilu menyelubungi Taman Mawar, Pasir Gudang Johor apabila seramai 70 pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berpisah dengan keluarga-keluarga angkat mereka setelah selesai mengadakan Program Bakti Siswa di kawasan berkenaan selama empat hari yang berakhir baru-baru ini. Majlis penyerahan semula anak-anak angkat telah disempurnakan oleh Haji Hashim Marshidi, wakil Jawatankuasa Penduduk Taman Mawar kepada Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman disatu majlis ringkas di taman berkenaan. Menurut Pengarah Program Nur Sufiah Akmala Ramdan, antara objektif program ini diadakan ialah bagi memperbaiki dan meningkatkan tahap komunikasi mahasiswa yang lebih berkesan dengan masyarakat luar, mengeratkan hubungan antara mahasiswa dengan masyarakat dan hubungan sesama mahasiswa tanpa mengira perbezaan umur, agama dan bangsa dan juga memperkenal dan mempromosi UTeM sebagai destinasi pembelajaran ilmu yang terbaik dinegara ini.

Sempena program bakti siswa ini, turut diadakan Karnival Pengajian Teknikal dan Teknologi yang telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Mohd. Khaled bin Nordin, Menteri Pengajian Tinggi yang juga merupakan Ahli Parlimen kawasan Pasir Gudang. Turut diadakan pameran dan hasil-hasil penyelidikan serta inovasi dari pelbagai fakulti dan jabatan yang ada di UTeM.



*Pelajar* **UTeM MENABUR BAKTI DI PASIR GUDANG, JOHOR**



MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
SESI 2010/2011
YANG DIPERTUA
AHMAD SAUFI BIN AHMAD JAWAHIR
FTMK |0136936893
saufi_mpputem1011@yahoo.com
TIMBALAN YANG DIPERTUA
NOOR MUHAMMAD JAMALLUDDIN BIN JUSOH
FKM | 0136804876
jamal_mpputem1011@yahoo.com
NAIB YANG DIPERTUA I
NURFATIN NADIA BINTI ISMAIL
FKEKK | 0179548664
fatinnadia_mpputem1011@yahoo.com
NAIB YANG DIPERTUA II
NUR SUFIAH AKMALA BINTI RAMDAN
FKP | 0139204515
sufiah_mpputem1011@yahoo.com
NAIB SETIAUSAHA AGUNG
NOREZMI BINTI MD. JAMAL
FKEKK | 0132220416
norezmi_mpputem1011@yahoo.com
SETIAUSAHA AGUNG
NURUL HAFIZA BINTI IZAHAR
FKEKK | 0175234164
hafiza_mpputem1011@yahoo.com
BENDAHARI AGUNG
NOOR SHAZWANI NAJWA BINTI DRAHIM
FKEKK | 0194498107
shazwani_mpputem1011@yahoo.com
NAIB BENDAHARI AGUNG
THEVABALAN A/L SELLAPPANS
FKP | 0192403484
thevabalan_mpputem1011@yahoo.com
EXCO PENERBITAN DAN PUBLISITI
MUHAMMAD AIZAT BIN MUSTAKIM
FTMK | 0126625110
aizatmustakim_mpputem1011@yahoo.com
NURUL ATIQAH BINTI MOHD LAZIM
FKM | 0134254091
atiq_mpputem1011@yahoo.com
EXCO PENEMPATAN DAN KEMUDAHAN PELAJAR
MUHAMMAD AZFAR BIN MARIZAN
FTMK | 0129367569
azfar_mpputem1011@yahoo.com
MUHAMMAD NUR A'DNAN BIN ABU BAKAR
FKE | 0132608498
adnan_mpputem1011@yahoo.com
EXCO SUKAN DAN REKREASI
ADLI MUQMIN BIN AZHAR
FTMK | 0132645885
adlimuqmin_mpputem1011@yahoo.com
NURUL HIDAYAH BINTI OMAR
FKM | 0179159613
hidayah_mpputem1011@yahoo.com
EXCO KEBAJIKAN DAN KESUKARELAAN
NURUL SALEHAH BINTI ABDUL WAHAB
FKEKK | 01794411245
salehah_mpputem1011@yahoo.com
AMIRUL SIDDIQ BIN ANUAR
FKP | 0176921030
amirulsiddiq_mpputem1011@yahoo.com
EXCO PEMBANGUNAN SAHSIAH DAN KEPIMPINAN
NURSYUHADA BINTI AZMAN
FPTT | 0139560630
syuhada_mpputem1011@yahoo.com
MUHAMMAD IHSAN BIN SABRI
FKE | 0173741532
ihsan_mpputem1011@yahoo.com
EXCO PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN KORPORAT
MUHAMMAD ASRI BIN YAAKUB
FTMK | 0176513357
asriyaakub_mpputem1011@yahoo.com
TAYALAN A/L MANOHARAN
FKM | 0136286591
ml_tayalan_mpputem1011@yahoo.com
EXCO KEUSAHAWANAN
NIK MOHD FARIZ BIN MOHD NAWI
FKE | 0136243547
nikfariz_mpputem1011@yahoo.com
MUHAMMAD KHAIRULLAH BIN JUSOH
FPTT | 0145092860
mohdkhairullah_mpputem1011@yahoo.com
EXCO AKADEMIK
RADIN PUTERI HAZIMAH BINTI RADIN MONAWIR
FKP | 0193703974
radinhazimah_mpputem1011@yahoo.com
ROSE LEW AI FEN
FPTT | 0196641632
rose_mpputem1011@yahoo.com
EXCO KEBUDAYAAN DAN HUBUNGAN ETNIK
ZULKIFLI BIN YAACOB
FKE | 0174139162
zulkifliyaacob_mpputem1011@yahoo.com
WAN NADZIRAH BINTI ZULKHEFLI
FTMK | 0134753287
wannadzirah_mpputem1011@yahoo.com
EXCO HAL EHWAL PASCA SISWAZAH
FEBRIAN BIN IDRAL
PPS | 0126892526
febrian_mpputem1011@yahoo.com
SE SIAN MENG
PPS | 0122509686
sianmeng_mpputem1011@yahoo.com
MPPUTeM
TRANSFORMASI PEMIKIRAN BESTARI
Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka, Malaysia